

NEGERI BRUNEI
UNDANG2 CHUKAI PENDAPATAN
(PETROLEUM), 1963.


Bab

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Pentadbiran.
4. Kerahsiaan rasmi.
5. Atoran2.
6. Penverahan dan tanda-tangan notis.
7. Pengenaan chukai.
8. Mendapat tahu (Ascertainment) keuntungan2 yang boleh di-kenakan chukai.
9. Pemotongan2 yang di-benarkan di-dalam mendapat tahu (ascertainment) keuntungan2 yang boleh di-kenakan chukai.
10. Pemotongan2 yang tidak di-benarkan.
11. Pemungut boleh tidak mengindahkan sesuatu urusan dan persiapan.
12. Pembayaran selanjut daripada chukai.
13. Chukai yang boleh di-taksir.
14. Pemotongan2 akan di-perbuat semasa mendapat tahu chukai yang kena di-bayar.
15. Sharikat2 yang tidak tinggal di-dalam Negeri.
16. Pengurus sharikat ada-lah bertanggung-jawab.
17. Perlindungan kapada wakil.
18. Sharikat yang di-tamatkan.
19. Penyata2.
20. Pemungut boleh mengkehendaki penyata2 selanjut.
21. Kuasa mengkehendaki penyata2, buku2 dan lain2-nya.
22. Ma'lumat rasmi dan perahsiaan rasmi.
23. Pemungut akan membuat penaksiran2.
24. Penaksiran tambahan.
25. Senarai sharikat2 yang di-taksir dan notis2 penaksiran
26. Penyampaian notis2 penaksiran.
27. Jawatankuasa Mengulangkaji Harga.
28. Kesilapan2 dan kechachatan2 dalam penaksiran dan notis.
29. Rayuan2 terhadap penaksiran2.
30. Penaksiran hendak-lah mu'tamad dan memutuskan.

Bab

31. Atoran di-dalam perkara² yang bantahan atau rayuan maseh belom putus.
32. Tempoh di-dalam mana pembayaran akan di-perbuat.
33. Hukuman kerana gagal membayar chukai dan menguat-kuasakan pembayaran.
34. Pemungutan chukai sa-telah pemutusan bantahan atau rayuan.
35. Tuntutan chukai oleh Pemungut.
36. Pembayaran balek bagi chukai.
37. Hukuman².
38. Hukuman kerana membuat penyata yang tidak betul.
39. Syarat² hukuman berkaitan dengan menipu dan sebagai-nya.
40. Hukuman² bagi kesalahan² yang di-lakukan oleh orang² yang berkuasa atau tidak berkuasa.
41. Chukai ada-lah boleh di-bayar dengan tidak meng-hiraukan sebarang langkah kerana hukuman².
42. Kebenaran untok penda'awaan.
43. Bidang-kuasa Mahkamah².
44. Pengechualian bagi pembicharaan jinayah.
45. Batasan berkenaan dengan kesan Undang² Chukai Pendapatan dan Undang² yang lain.
46. Pengechualian berkenaan dengan chukai pendapatan Commonwealth.
47. Peratoran² chukai dua kali ganda dengan wilayah² yang lain².
48. Chara untok menghitung pengechualian yang akan di-benarkan untok chukaian yang dua kali ganda.

Jadual — Elaun² Modal.



NEGERI BRUNEI

UNDANG2 No. 4 TAHUN 1963

UNDANG2 CHUKAI PENDAPATAN (PETROLEUM) 1963

Beta bersetuju



Mohor Kerajaan

SIR OMAR ALI SAIFUDDIN

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei

18hb November, 1963.

Undang2 untok mengenakan chukai di-atas keuntongan2 yang terbit daripada pengusahaan minyak petroleum dan mengadakan pungutan daripada-nya.

[18hb November, 1963]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri sebagai berikut:—

BAHAGIAN I

Permulaan

Gelaran
pendek dan
permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Chukai Pendapatan (Petroleum), 1963, dan akan di-kenakan bagi chukai yang boleh di-bayar bagi tahun penaksiran 1963 dan tiap2 satu tahun penaksiran yang kemudian.

Tafsiran.

2. Di-dalam Undang2 ini, kechuali maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain:—

“Tempoh Pengiraan” berma'ana —

- (a) satu tempoh dua belas bulan mulai daripada tarikh penjualan pertama atau pembahagian minyak petroleum oleh atau bagi pehak sharikat yang menjalankan perusahaan2 minyak petroleum, yang mana satu yang awal, atau pun mulai daripada tarikh dalam bulan kalendar di-dalam mana perkara sedemikian berlaku sebagaimana yang di-pilih oleh Sharikat itu dengan persetujuan Pemungut; atau
- (b) tempoh pendek yang demikian mulai sebagaimana yang tersebut tadi dan berakhir sama ada pada satu tarikh yang di-pilih oleh sharikat itu dengan persetujuan Pemungut atau pun pada tarikh apakala sharikat itu berhenti daripada menjalankan perusahaan2 minyak petroleum; atau
- (c) tiap2 satu tempoh dua belas bulan yang kemudian di-dalam mana sharikat itu menjalankan perusahaan2 minyak petroleum; atau
- (d) sebarang tempoh yang kurang daripada dua belas bulan, yang menjadi tempoh mulai daripada hari yang berikut dengan penghujongan sebarang tempoh dua belas bulan yang tersebut dan berakhir pada tarikh apabila Sharikat itu berhenti daripada menjalankan perusahaan2 minyak petroleum;

“Juru Odit” berma'ana Juru Odit Negara;

“tempoh asas” bagi sesuatu tahun penaksiran berma'ana tempoh pengiraan yang berakhir pada sebarang tarikh di-dalam tahun sabelum tahun penaksiran itu;

“keuntungan² yang boleh di-kenakan bayaran” berma’ana keuntungan² yang terdapat tahu mengikut dengan syarat² bab 8 dari Undang² ini;

“Pemungut” berma’ana Pemungut Chukai Pendapatan yang di-lantek di-bawah bab 3 Undang² ini dan termasuk bagi segala maksud² Undang² ini, kechuali kuasa yang di-beri kepada Pemungut oleh bab² 38, 39, dan 42 dari Undang² ini, sa-orang Timbalan Pemungut yang di-lantek;

“sharikat” berma’ana sebarang sharikat yang di-tubuhkan atau di-daftarkan di-bawah sebarang undang² atau piagam yang pada masa itu berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam Negeri atau di-tempat lain²;

“pengawalan” berma’ana, berkaitan dengan badan pertubohan (body corporate), kuasa bagi sa-saorang unok memperoleh, dengan jalan memegang saham² atau memiliki kuasa mengundi di-dalam atau berkenaan dengan-nya, atau sebarang badan pertubohan (body corporate) yang lain², atau dengan kuat-kuasa sebarang kuasa² yang di-beri oleh syarat² persatuan (articles of association) atau lain² dokumen yang mengawali badan pertubohan yang tersebut itu atau badan pertubohan yang lain², ia-itu perkara² badan pertubohan yang mula² di-sebut itu ada-lah di-jalankan mengikut kehendak² orang itu, dan, berkaitan dengan perkongsian, hak kepada saham yang lebeh daripada sa-tengah daripada harta² itu, atau pun lebeh daripada sa-tengah daripada pendapatan perkongsian itu;

“keletakan” dan “di-letakkan”, berkaitan dengan minyak petroleum yang di-

punyai oleh sharikat yang mengusahakan perusahaan minyak petroleum, berma'ana mengikut yang berkenaan —

- (a) pengiriman, tanpa di-jual, minyak petroleum kepada sa-buah kilang penapis untok di-tapis oleh sharikat itu, dan
- (b) telah di-kirim, tanpa di-jual, kepada tempat kilang menapis minyak untok di-tapis oleh sharikat itu;

“orang” berma'ana sa-saorang atau sa-kumpulan orang2 atau sebarang sharikat, pertubohan atau lain2 badan;

“minyak petroleum” berma'ana sebarang minyak logam atau keluarga hydrocarbon dan gas alam yang berada dalam keadaan asal-nya dan “casinghead petroleum spirit” tetapi tidak termasuk arang batu atau “bituminous shales” atau lain2 simpanan di-lapisan2 tanah (stratified deposits) dari mana minyak dapat di-perolehi oleh penapisan penghapusan (destructive distillation);

“pengusahaan minyak petroleum” berma'ana menchari dan mendapati atau memperoleh minyak petroleum di-dalam Negeri Brunei oleh atau bagi pehak sesuatu sharikat untok kira2 sharikat itu dengan sebarang chara atau jalan di-dalam menjalankan perniagaan yang diperbuat oleh sharikat yang mengusahakan perusahaan tersebut, dan segala perusahaan yang berkaitan dengannya, dan penjualan atau keletakan minyak petroleum yang di-dapati atau diperolehi sedemikian oleh sharikat yang demikian atau sebarang sharikat lain yang menjalankan perniagaan menerusi tempat perniagaan yang tetap di-Brunei, dan termasuk pengangkutan mi-

nya petroleum tersebut di-dalam lengkongan Negeri ini oleh sharikat² tersebut ka-sebarang tempat penjualan atau kiriman atau tempat ekspot dan sebarang chara mengusahakan di-padang yang mustahak untok menjadikan minyak petroleum tersebut kapada keadaan yang boleh di-jual, tetapi tidak-lah termasuk —

- (a) sebarang pengangkutan minyak petroleum ka-luar Negeri; atau
- (b) sebarang chara mengerjakan untok penapisan di-tempat menapis; atau
- (c) sebarang kegunaan di-atas hasil² yang telah di-tapis sedemikian;

“tinggal di-dalam Negeri Brunei”, apabila di-gunakan kapada sesuatu sharikat, berma’ana sa-buah sharikat yang pengawalan dan pengurusan perniagaannya di-jalankan di-dalam Negeri;

“royalty²” berma’ana dan termasuk —

- (a) jumlah sebarang pembayaran² tahunan yang mana ada syarat bagi pemotongan daripada jumlah itu bagi sebarang royalty² di-bawah sebarang perjanjian melombong minyak petroleum; dan
- (b) jumlah sebarang royalty² yang boleh di-bayar di-bawah sebarang perjanjian melombong minyak sedemikian kurang sebarang pembayaran² tahunan yang telah dipotong daripada royalty² itu;

“Negeri” berma’ana Negeri Brunei dan termasuk kawasan lautan di-bawah kawasan perayeran Negeri Brunei dan kawasan lautan di-bawah sebarang perayeran lain² yang mana Negeri Brunei menjalankan atau boleh salepas ini menjalankan hak² di-raja di-atas logam²;

“di-bawah kawalan bersama” berma’ana berkaitan dengan sebarang dua orang yang dalam keadaan di-mana sa-orang ada mempunyai hak kawalan ka-atas sa-orang yang lain atau sebarang orang lain mempunyai hak kawalan di-atas mereka kedua2;

“tahun penaksiran” berma’ana tempoh dua belas bulan mulai daripada 1 haribulan January, 1963 dan tiap2 tempoh dua belas bulan yang kemudian.

BAHAGIAN II

Pentadbiran

Kuasa
Pentadbiran.

3. (1) Untok pentadbiran berpatutan bagi Undang2 ini, Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh, dengan kenyataan di-dalam *Warta Kerajaan*, melantek sa-orang Pemungut Chukai Pendapatan dan timbalan2 Pemungut dan lain2 pegawai dan orang2 sedemikian yang di-jangka perlu.

(2) Pemungut boleh-lah —

(a) dengan kenyataan di-dalam *Warta Kerajaan*, membenarkan sa-saorang sama ada di-dalam atau di-luar Negeri, menjalankan atau membantu di-dalam menjalankan sebarang tugas yang tertentu yang di-kenakan ka-atas Pemungut oleh Undang2 ini; dan

(b) terta’alok kapada sharat2 sa-demikian yang boleh di-nyatakan oleh Pemungut itu, mengarahkan dengan chara bertulis ia-itu sebarang ma’lumat, penyata atau dokumen yang di-kehendaki supaya di-serahkan, di-hantarkan atau di-beri kapada Pemungut boleh-lah di-serahkan kapada sa-saorang yang di-beri kuasa untok menerima-nya.

(3) Pemungut ada-lah bertanggung-jawab untok penilaian dan pengutipan chukai dan hendak-lah

membayar segala jumlah yang di-kutip dalam hal sedemikian ka-dalam Bendaharaan untok hitongan kira2 pendapatan awam.

Kerahsiaan
rasmi.

4. (1) Tiap2 orang yang ada mempunyai sebarang tugas rasmi atau bekerja di-dalam pentadbiran Undang2 ini hendak-lah menganggapkan dan menguruskan segala dokumen2, ma'alumat, penyata2, senarai2 penaksiran dan salinan2 senarai2 yang berhubung dengan pendapatan, keuntongan2 yang boleh di-kenakan bayaran atau butir2-nya bagi sebarang sharikat sebagai rahsia dan sulit, dan hendak-lah membuat dan menanda-tangani pengishtiharan sebagaimana chara yang boleh di-tetapkan di-hadapan Pemungut.

(2) Tiap2 orang sedemikian yang ada memiliki atau mengawali sebarang dokumen2, ma'alumat, penyata2 atau senarai2 penaksiran atau salinan2 senarai2 sedemikian yang berhubung dengan pengusahaan2 minyak petroleum atau jumlah dan nilaiian minyak petroleum yang telah di-dapati oleh sebarang sharikat yang siapa pada bila2 masa kechuali bagi maksud Undang2 ini atau dengan kebenaran yang tertentu daripada Mentri Besar —

- (a) menyampaikan atau menchuba hendak menyampaikan ma'alumat sedemikian atau apa2 yang terkandung di-dalam dokumen2, penyata2, senarai2 atau salinan2 sedemikian kapada sa-saorang yang tidak mempunyai kebenaran; atau
- (b) membiarkan atau membenarkan sa-saorang yang tidak mempunyai kebenaran mendapat sebarang ma'alumat yang sedemikian atau kapada sebarang yang terkandung di-dalam dokumen2, penyata2, senarai2 atau salinan2-nya;

ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Undang2 ini.

(3) Tidak-lah sebarang da'awaan di-atas kesalahan di-bawah bab ini akan di-perbuat kechuali oleh Pemungut dengan kebenaran Peguam Negara atau pun oleh Peguam Negara sendiri.

(4) Tidak-lah sa-saorang yang di-lantek di-bawah, atau bekerja untok menjalankan, syarat2 Undang2 ini akan di-kehendaki mengeluarkan di-mana2 Mahkamah sebarang penyata, dokumen atau penaksiran, atau mengumumkan atau menyampaikan kepada mana2 Mahkamah sebarang perkara atau benda yang datang ka-bawah pengetahuan-nya semasa ia menjalankan tugas2-nya di-bawah Undang2 ini kechuali sebagaimana yang mustahak bagi maksud menjalankan kuat-kuasa syarat2 Undang2 ini, atau untok tujuan menjalankan da'awaan, atau di-dalam penda'awaan, bagi sebarang kesalahan di-bawah atau yang berkaitan dengan chukai yang di-kenakan di-bawah Undang2 ini.

(5) Jika di-bawah sebarang undang2 yang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam mana2 wilayah2 di-luar Negeri syarat ada di-perbuat untok pembebasan bebanan (allowance of relief) daripada chukai pendapatan dan chukai2 yang serupa itu mengenai pembayaran chukai pendapatan dan chukai2 serupa itu di-dalam Negeri atau bagi pembebasan pendapatan daripada chukai pendapatan dan chukai2 serupa itu mengenai pendapatan yang terta'alok kepada chukai pendapatan dan chukai2 serupa itu di-dalam Negeri, maka kewajipan berkenaan dengan perahsiaan yang di-kenakan oleh bab ini tidak-lah menghalangkan perma'aluman kepada pegawai2 yang berkuasa dari Kerajaan di-dalam wilayah itu tentang sebarang ma'alumat yang di-fikirkan perlu untok membolehkan pembebasan yang berpatutan atau pengechualian di-beri di-dalam perkara2 jika pembebasan atau pengechualian ada-lah di-tuntuti daripada chukai pendapatan dan chukai2 yang serupa dalam Negeri atau daripada chukai pendapatan dan chukai2 yang serupa itu di-dalam wilayah yang tersebut.

(6) Dengan tidak menghiraukan apa2 yang terkandung di-dalam bab ini, Pemungut hendak-lah membenarkan Juru Odit atau mana2 pegawai yang di-beri kuasa sedemikian dalam pihak itu oleh Juru Odit untok mendapat sebarang rekod2 atau dokumen2 yang barangkali mustahak untok men-

jalankan tugas2 rasmi-nya. Bagi maksud2 bab ini Juru Odit atau sa-saorang pegawai tersebut ada-lah di-anggapkan sebagai sa-orang yang bekerja untuk menjalankan syarat2 Undang2 ini.

Atoran2.

5. (1) Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh daripada satu masa ka-sembasa membuat atoran2 yang am-nya untuk menjalankan syarat2 Undang2 ini.

Bentok2.

(2) Pemungut boleh daripada satu masa ka-sembasa menetapkan bentok penyata2, tuntutan2, kenyataan2 dan notis2 di-bawah Undang2 ini.

Penyerahan
dan tanda-
tangan
notis.

6. (1) Sebarang notis boleh-lah di-serahkan kepada sesuatu sharikat dengan menghantarkan-nya dengan chara pos berdaftar di-alamatkan —

(a) berkenaan dengan sa-buah sharikat yang telah di-tubuhkan di-dalam Negeri, kepada pejabat sharikat itu yang di-daftarkan, dan

(b) berkenaan dengan sa-buah sharikat yang telah di-tubuhkan di-luar Negeri, sama ada kepada pengurus-nya atau kepada sa-saorang lain yang tinggal di-dalam Negeri dan bekerja dalam pengu-rusan pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh sharikat tersebut.

(2) Sesuatu notis ada-lah di-anggapkan telah di-sampaikan pada sa-lewat2-nya lima belas hari telah berlalu salepas notis itu di-kirihkan dengan pos, dan di-dalam membuktikan penyampaian sedemikian maka ada-lah memadai di-buktikan bahawa surat yang mengandongi notis itu telah di-alamatkan dengan betul-nya dan di-kirihkan dengan pos.

(3) Tiap2 notis yang akan di-beri oleh Pemungut di-bawah Undang2 ini hendak-lah di-tanda-tangani oleh Pemungut atau oleh sa-saorang atau beberapa orang yang daripada semasa ka-sembasa di-beri kuasa oleh Pemungut untuk menjalankan tanggung-jawab itu di-bawah bab 3 Undang2 ini dan tiap2 notis sedemikian ada-lah sah sekira-nya tanda-

tangan Pemungut atau sa-saorang atau beberapa orang sedemikian ada-lah dengan berpatutan di-chapkan atau di-tuliskan di-situ:

Dengan syarat ia-itu sebarang notis di-bawah Undang2 ini yang berkehendakkan kehadiran sa-saorang atau saksi di-hadapan Pemungut hendak-lah di-tanda-tangani oleh Pemungut atau oleh sa-saorang yang di-beri kuasa oleh-nya saperti yang tersebut.

BAHAGIAN III

Pengenaan Chukai dan Mendapat Tahu (Ascertainment)

Keuntungan2 Yang Boleh Di-Kenakan Chukai

**Pengenaan
chukai.**

7. Bagi tiap2 tahun penaksiran maka hendaklah di-kenakan dan di-bayar oleh tiap2 sharikat yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum satu चुकai di-atas keuntungan2 yang boleh di-kenakan चुकai, yang di-taksir sebagaimana yang di-sharatkan salepas ini, yang terbit daripada pengusahaan sedemikian di-dalam tempoh asas bagi tahun penaksiran itu.

**Mendapat tahu
(Ascertainment)
keuntungan2
yang boleh
di-kenakan
chukai.**

8. (1) Jumlah kasar pendapatan bagi sebarang tempoh asas untuk sesuatu sharikat yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum ada-lah jumlah besar bagi —

- (a) pendapatan penjualan yang sebenarnya bagi segala minyak petroleum yang di-jual oleh sharikat di-dalam tempoh itu, atau harga yang di-susulkan di-dalam cheraian (2) dari bab ini, mengikut yang mana satu yang tinggi, dan
- (b) di-dalam sesuatu perkara yang minyak petroleum di-letakkan oleh sharikat atau minyak petroleum yang di-ambil oleh Kerajaan sebagai ganti royalty2 sebagai minyak petroleum (in kind) dalam tempoh itu, harga yang di-susulkan di-dalam cheraian (2) Bab ini, dan

- (c) segala pendapatan sharikat di-dalam tempoh itu yang berkaitan kepada dan yang terbit daripada sesuatu atau lebih daripada satu pengusahaan minyak petroleum-nya.

(2) Bagi maksud2 cheraian (1) dari bab ini, harga sebarang minyak petroleum yang di-jual, diletakkan atau di-ambil oleh Kerajaan sebagai ganti royalty2 sebagai minyak petroleum (in kind), adalah harga yang di-jangkakan boleh di-dapati sekiranya minyak itu di-jual untok di-eksepot pada masa penjualan atau keletakan-nya dan sekira-nya si-pembeli dan si-penjual ia-lah orang2 yang bebas daripada sebarang kawalan bersama:

Dengan syarat ia-itu sunggoh pun begitu, jika sekira-nya suatu perjanjian berkenaan dengan harga sebarang minyak petroleum yang di-jual untok penggunaan di-dalam lengkongan Negeri telah di-perbuat di-antara sharikat itu dan Kerajaan, maka harga yang di-persetujui hendak-lah di-anggapkan sebagai harga bagi maksud bab2 ini.

(3) Keuntungan2 yang boleh di-kenakan cukai untok sesuatu tempoh asas bagi sesuatu sharikat yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum ada-lah baki segala jumlah kasar pendapatan sharikat itu dalam tempoh itu, sa-telah pemotongan2 yang di-benarkan oleh Bahagian ini telah di-perbuat:

Dengan syarat ia-itu jika sesuatu sharikat yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum ada jua menjalankan pengusahaan mengangkut minyak petroleum di-luar Negeri dengan saluran paip dan/atau kapal2 pengangkut minyak yang di-usahakan oleh atau bagi pehak sharikat itu, maka pelarasan akan di-perbuat di-dalam pengiraan keuntungan yang boleh di-kenakan cukai bagi sharikat itu supaya memberi kesan pengechualian daripada-nya sebarang keuntungan atau kerugian yang terbit daripada pengangkutan sedemikian.

Pemotongan² yang di-benarkan di-dalam mendapat tahu (ascertainment) keuntungan² yang boleh di-kenakan cukai.

9. (1) Terta'alok kepada syarat² yang tertentu dari Undang² ini, maka pemotongan akan di-perbuat semasa mengira keuntungan² yang boleh di-kenakan cukai bagi sesuatu sharikat daripada pengusahaan petroleum-nya bagi sesuatu tempoh asas, di-atas pengeluaran wang-nya dan perbelanjaan² yang keseluruhan dan semata² di-perbuat, sama ada di-dalam atau di-luar Negeri, semasa tempoh itu oleh sharikat tersebut bagi maksud pengusahaan² itu termasuk tetapi tanpa dengan sebarang-nya meng-hadkan keumuman apa² yang telah tersebut —

- (a) sebarang bayaran sewa (selain daripada pembayaran² tahunan yang boleh di-potong semasa mendapat tahu cukai yang boleh di-kenakan di-bawah bab 14) yang di-kenakan oleh sharikat itu bagi tanah dan bangunan² yang di-gunakan untuk pengusahaan minyak petroleum-nya;
- (b) sebarang pembayaran ganti rugi di-kenakan untuk gangguan hak² muka bumi atau untuk sebarang gangguan yang lain atau untuk segala kerosakan atau kerugian kepada harta benda dan hak² pehak yang lain²;
- (c) sebarang jumlah wang yang boleh di-bayar sebagai faedah di-atas mana² wang yang di-pinjam oleh sharikat sedemikian jika Pemungut berpuas hati ia-itu faedah itu ada-lah boleh di-bayar di-atas modal yang di-gunakan dalam menjalankan pengusahaan minyak petroleum-nya;
- (d) sebarang perbelanjaan yang di-kenakan untuk memperbaiki bangunan², alatan jentera, jentera atau kelengkapan yang tetap yang di-gunakan untuk maksud menjalankan pengusahaan minyak petroleum atau pun untuk pembaharuan, membaiki atau meminda sebarang kelengkapan, alatan atau perkakas untuk kegunaan sedemikian;

- (e) hutang² kepada sharikat itu dan dibuktikan sahingga memuaskan Pemungut yang hutang tersebut tidak mungkin dapat di-kutip atau waswas dapat di-kutip dalam tempoh yang mana keuntongan yang boleh di-kenakan chukai sedang di-kira, walau pun hutang² yang tidak mungkin di-kutip atau waswas dapat di-kutip tersebut telah di-perbuat dan patut di-bayar sebelum mulai tempoh yang tersebut:

Dengan syarat ia-itu —

- (i) semua wang yang di-perolehi di-dalam tempoh yang tersebut di-atas pengiraan jumlah² yang dahulunya di-potong untok hutang² yang tidak mungkin di-kutip atau waswas dapat di-kutip, sama ada di-bawah Undang² ini atau di-bawah Undang² Chukai Pendapatan, hendak-lah bagi maksud Undang² ini di-anggapkan sebagai keuntongan² yang boleh di-kenakan chukai bagi tempoh itu;
- (ii) hutang piutang yang mana pemotongannya di-tuntuti sama ada —
- (a) termasuk sebagai penerimaan daripada menjalankan perusahaan minyak petroleum dalam keuntongan² yang dikenakan chukai bagi tahun dalam mana hutang piutang itu di-kenakan, atau
- (b) pembayaran dahulu yang di-perbuat di-dalam menjalankan perusahaan minyak petroleum yang biasa-nya;
- (f) sebarang perbelanjaan yang di-kenakan berkaitan dengan penggalian telaga² menaksir dan telaga² mengusahakan tetapi tidak termasuk sebarang perbelanjaan ka-atas jentera perusahaan

Jadual yang di-benarkan atau perbelanjaan ka-atas bangunan yang di-benarkan bagi maksud Jadual kepada Undang2 ini;

(g) sebarang pembayaran kepada penchen, wang bakal tua atau kesatuan atau kutipan yang telah di-luluskan di-bawah Undang2 Chukai Pendapatan atau yang mana yang boleh di-luluskan daripada satu masa ka-semasa oleh Pemungut dengan terta'alok kepada syarat2 yang boleh di-tetapkan oleh beliau;

Jadual (h) jumlah yang di-benarkan sebagai potongan2 untok perbelanjaan modal mengikut syarat2 Jadual kepada Undang2 ini;

(i) sebarang jumlah mengikut perjanjian yang harus di-bayar oleh sharikat dengan chara bayaran tahunan, royalty2 atau lain2 bayaran yang berulang dengan sebab sebarang perjanjian yang disebut di-dalam cheraian (1) dari bab 12;

(j) pemotongan lain2 sebagaimana yang boleh di-tetapkan mengikut atoran-nya.

(2) Pemotongan akan di-perbuat semasa mengira keuntungan2 yang boleh di-kenakan chukai bagi sesuatu sharikat daripada pengusahaan minyak petroleum-nya bagi sesuatu tempoh asas —

(a) bahagian yang sa-imbang bagi sebarang perbelanjaan2 am (overhead costs) yang di-perbuat oleh sharikat yang sebahagian-nya bagi maksud2 pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh sharikat dan sebahagian-nya bagi maksud yang lain2;

(b) sebarang jumlah kerugian yang terjadi kepada sharikat itu di-dalam sebarang tempoh asas dahulu dengan syarat kerugian sedemikian ada-lah keuntungan yang boleh di-kenakan chukai bagi maksud2 bab 8, kalau sekira-nya untung;

Dengan syarat —

- (i) walau macham mana jua keadaannya pemotongan jumlah besar (aggregate deduction) daripada keuntongan² yang boleh di-kenakan chukai bagi sebarang kerugian tersebut tidak-lah boleh lebeh daripada jumlah kerugian tersebut; dan
 - (ii) pemotongan di-bawah perenggan ini hendak-lah di-perbuat, sa-boleh²-nya semasa mengira jumlah keuntongan yang boleh di-kenakan chukai, jika ada, bagi tempoh asas yang pertama salepas tempoh asas itu apabila kerugian itu berlaku, dan, sehingga mana pemotongan itu tidak dapat di-buat mengikut chara itu, kemudian-nya pemotongan itu akan di-buat dengan menghitung keuntongan yang boleh di-kenakan chukai bagi tempoh asas yang berikut-nya, dan begitulah seterusnya.
- (c) Jumlah atau nilai, yang tidak lebeh daripada satu perenam dari keuntongan yang boleh di-kenakan chukai yang menjadi baki sa-telah pemotongan² yang di-benarkan oleh perenggan² (a) dan (b) dari cheraian ini di-perbuat, ia-itu jumlah atau nilai pemberian² yang di-perbuat oleh sharikat itu dalam tempoh asas itu kepada sebarang yayasan (institution) yang berupa umum didalam Negeri ini yang telah di-luluskan untok maksud ini oleh Menteri Besar.

Dengan syarat bahawa Menteri Besar boleh pada bila² masa mengikut pertimbangan-nya menarek balek kelulusan tersebut.

Dalam perenggan ini “yayasan (institution) yang berupa umum” berm’ana —

- (i) sesuatu rumah sakit yang diselenggarakan atau di-uruskan bukan kerana keuntongan;
- (ii) yayasan awam atau yayasan² kebajikan lain atau pun pertubohan demikian yang diselenggarakan atau di-uruskan bukan kerana keuntongan;
- (iii) tempat pelajaran yang diselenggarakan atau di-uruskan bukan kerana keuntongan;
- (iv) kutipan umum yang telah di-ujudkan dan di-jalankan untuk bantuan kesengsaraan orang ramai.

Pemotongan²
yang tidak
di-benarkan.

10. Terta'alok kepada syarat² yang tertentu didalam Undang² ini, bagi maksud mendapat tahu keuntongan² yang boleh di-kenakan chukai yang terbit daripada pengusahaan minyak petroleum oleh sesuatu sharikat, maka pemotongan tidak-lah di-benarkan ka-atas —

- (a) sebarang pembayaran atau perbelanjaan yang tidak dengan keseluruh atau dengan khas-nya di-tetapkan atau di-gunakan untuk maksud pengusahaan² itu;
- (b) sebarang modal yang di-tarek balek atau sebarang jumlah wang yang di-gunakan atau hendak di-gunakan sebagai modal;
- (c) sebarang modal yang di-gunakan untuk memperelokkan, berlainan dengan membaiki²;
- (d) sebarang kerugian atau perbelanjaan yang boleh di-perolehi semula di-bawah satu dasar insuran atau perjanjian ganti-rugi;
- (e) sewa atau perbelanjaan memperbaiki sesuatu rumah atau sebahagian daripadanya yang tidak di-gunakan untuk maksud pengusahaan² itu;

- (f) sebarang jumlah wang yang di-bayar atau boleh di-bayar untok chukai pendapatan, chukai keuntongan atau chukai yang serupa itu yang di-kenakan di-dalam lengkongan Negeri;
- (g) sebarang jumlah wang yang di-bayar atau boleh di-bayar untok chukai pendapatan, chukai keuntongan² atau chukai yang serupa itu yang di-kenakan di-luar Negeri setakat ia-itu jumlah yang tersebut ada-lah di-benarkan dengan pengechualian daripada atau tarohan terhadap chukai yang di-kenakan di-bawah Undang² ini;
- (h) sebarang pembayaran kepada sebarang penchen, wang bakal tua atau kesatuan lain² atau kutipan, kechuali pembayaran yang sedemikian ada-lah sebagaimana yang dibenarkan di-bawah perenggan (g) cheraian (1) dari bab 9;
- (i) penurunan nilai sesuatu rumah, bangunan², binaan², pekerjaan² (works) yang berupa tetap, jentera perusahaan, jentera atau kelengkapan yang tetap;
- (j) sebarang bayaran yang boleh di-potong semasa menetapkan chukai yang boleh di-bayar di-bawah syarat² bab 14;
- (k) sebarang jumlah wang yang boleh di-bayar kepada Kerajaan di-bawah sebarang perjanjian melombong minyak yang terbit daripada kegagalan sharikat itu memenohi kewajipan² perbelanjaan di-bawah perjanjian tersebut.

Pemungut boleh tidak mengindahkan sesuatu urusan dan persiapan.

11. (1) Jika Pemungut berpendapat ia-itu sesuatu urusan yang boleh mengurangkan atau akan mengurangkan jumlah wang chukai yang boleh di-bayar oleh sebarang sharikat ada-lah sengaja di-buat² atau palsu atau sesuatu persiapan itu sabenarnya tidak di-laksanakan, beliau boleh-lah tidak mengin-

dahkan urusan dan persiapan yang tersebut atau pun mengarahkan ia-itu pelarasan² hendak-lah di-perbuat sebagaimana yang di-fikir-nya perlu dan sharikat yang berkenaan akan di-taksirkan dengan sesuai-nya.

“Persiapan”.

(2) Di-dalam bab ini “persiapan” ada-lah termasuk sesuatu amanah, pemberian (grant), kobenen (covenant), perjanjian atau muafakat.

Kuasa pertimbangan. Tidak-lah menghalang kepada rayuan.

(3) Tidak sebarang-nya yang terkandung di-dalam bab ini menghalangkan keputusan Pemungut di-dalam menggunakan kuasa pertimbangan-nya yang telah di-beri kepada-nya oleh bab ini daripada di-soal di-dalam bantahan atau rayuan terhadap sesuatu penaksiran mengikut dengan Bahagian VII dan VIII dari Undang² ini.

Pembayaran selanjut daripada chukai.

12. (1) Bagi tiap² tahun penaksiran maka hendak-lah di-kenakan bayaran dan di-bayar chukai mengikut kadar 50 peratus di-atas sebarang bayaran yang harus di-bayar sechara bayaran tahunan (annuity), royalty² atau lain² pembayaran yang berulang demikian berkaitan dengan kepentingan yang dahulu dan/atau hak² kepada minyak petroleum di-dalam Negeri yang telah di-terima di-bawah sebarang perjanjian yang di-perbuat, selepas berjalan kuatkuasa-nya Undang² ini, di-antara sharikat yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum dan sa-orang yang telah menjual bahagian-nya dan/atau hak²-nya kepada minyak petroleum di-dalam Negeri mengadakan pembayaran² demikian yang akan di-perbuat kepada pehak yang di-sebutkan kemudian itu.

Pemotongan chukai pada mula-nya.

(2) Sharikat yang membayar hendak-lah memotong chukai yang tersebut dari sebarang pembayaran yang kena di-bayar di-bawah perjanjian tersebut dan hendak-lah membayar chukai yang dipotong demikian kepada Pemungut dengan serta merta.

Penggantian-rugi bagi sharikat memotong chukai.

(3) Tiap² sharikat yang memotong chukai mengikut dengan cheraian yang sabelum ini ada-lah dan dengan ini akan di-lindungi daripada sesiapa jua pun bagi segala chukai yang di-potong dan di-bayar mengikut bab ini.

BAHAGIAN IV

**Mendapat Tahu Chukai Yang Boleh Di-Taksir
dan Chukai Yang Kena Di-Bayar**

Chukai yang boleh di-taksir.

13. (1) Chukai yang boleh di-taksir bagi tiap2 satu tahun penaksiran ada-lah jumlah yang sama kepada lima puluh peratus dari keuntungan yang boleh di-kenakan chukai bagi satu sharikat untuk tempoh asas bagi tahun penaksiran yang tersebut.

Chukai yang kena di-bayar.

(2) Chukai yang kena di-bayar bagi tiap2 satu tahun penaksiran untuk di-kenakan, di-taksirkan dan di-bayar oleh sesuatu sharikat di-bawah syarat2 Undang2 ini, ada-lah jumlah chukai yang boleh di-taksir bagi tahun penaksiran itu dengan di-potong sebarang jumlah yang di-kehendaki di-potong di-bawah syarat2 bab 14.

Pemotongan2 akan di-perbuat semasa mendapat tahu chukai yang kena di-bayar.

14. (1) Semasa menetapkan, di-bawah syarat2 bab 13, chukai yang kena di-bayar yang mesti di-bayar oleh satu sharikat bagi tahun penaksiran, maka pemotongan hendak-lah di-perbuat daripada chukai yang boleh di-taksir —

- (a) segala royalty2 yang telah di-bayar atau kena di-bayar oleh sharikat kepada Negeri bagi minyak petroleum yang di-dapati atau di-perolehi di-dalam tempoh asas bagi tahun penaksiran tersebut:

Dengan syarat ia-itu di-dalam perkara minyak petroleum di-ambil oleh Kerajaan sebagai royalty sebagai minyak petroleum (in kind) maka jumlah wang yang akan di-potong di-bawah perenggan kechil ini ia-lah harga minyak petroleum sebagaimana yang di-tetapkan di-bawah cheraian (2) bab 8; dan

- (b) semua jumlah wang yang telah di-bayar atau boleh di-bayar oleh sharikat atau pemegang2 saham-nya sa-umpama itu untuk tempoh asas bagi tahun penak-

siran tersebut kepada Negeri atau kepada Kerajaan sebarang Persekutuan yang mana Negeri itu menjadi ahli atau kepada sesuatu daerah atau lain2 kuasa di-dalam Negeri atau di-dalam mana2 Persekutuan yang tersebut sechara chukai2, "rates", bea, bayaran wang, "imposts", yuran2, sewa2 dan lain2 bayaran yang semacham itu, yang tidak di-perbuat sechara langsung untuk bayaraan kepada perkhidmatan yang di-beri kepada sharikat itu atau pemegang saham-nya apabila di-kehendakki atau kepada orang ramai am-nya pem-bayaran semacham itu:

Dengan syarat ia-itu pemotongan tidak-lah boleh di-perbuat bagi chukai2 membawa masok (import duties) di atas barang2 yang di-bawa masok untuk di-jual semula atau untuk kegunaan pekerja2 sharikat itu sendiri.

(2) Jika jumlah pemotongan2 yang di-benarkan di-bawah syarat2 bab ini untuk sesuatu tahun penaksiran ada-lah melebihi daripada chukai yang di-taksir, maka wang yang lebeh atau jumlah yang tersebut, mengikut mana2 yang berkenaan, hendaklah di-bawakan kahadapan untuk pemotongan daripada chukai yang di-taksir untuk tahun penaksiran yang berikutan dan seterusnya daripada tahun tersebut ka-tahun yang berikutan sahingga pemotongan yang sapenoh-nya telah di-perbuat:

Dengan syarat ia-itu jika bagi sesuatu tahun penaksiran jumlah wang2 yang di-nyatakan diperenggan (a) cheraian (1) dari bab ini ada-lah melebihi chukai yang boleh di-taksir, atau jika tidak ada chukai yang boleh di-taksir bagi tahun itu, maka wang yang lebeh tersebut atau jumlah-nya mengikut mana2 yang berkenaan, tidak-lah boleh di-bawakan kahadapan tetapi di-dalam kejadian yang salah satu dari kedua2 itu jumlah wang2 boleh di-potong di-bawah perenggan (b) cheraian (1) dari bab ini

hendak-lah di-bawakan kahadapan dan di-benarkan sebagai pemotongan sechara yang telah tersebut tadi.

(3) Jika sesuatu sharikat (di-panggil “sharikat yang menjual” di-dalam cheraian ini) menjual minyak petroleum kapada sharikat yang lain yang menjalankan pengusahaan minyak petroleum (di-panggil “sharikat yang membeli” di-dalam cheraian ini) maka jumlah, jika ada, yang mana sebarang royalty dan lain2 wang di-benarkan di-potong oleh sharikat yang menjual daripada chukai yang boleh di-kenakan di-atas sharikat itu dan berkaitan dengan minyak petroleum yang tersebut, melebihi daripada satu perdua bagi keuntongan2 yang boleh di-kenakan chukai bagi sharikat itu yang berkaitan dengan minyak petroleum itu, hendak-lah di-anggapkan bagi maksud2 cheraian2 (1) dan (2) bab ini sebagai telah di-bayar oleh sharikat yang membeli dan bukan oleh sharikat yang menjual.

BAHAGIAN V

Mengenakan Pembayaran Chukai Kapada Sharikat Yang Tidak Tinggal Dalam Negeri Dan Lain2-nya

Sharikat2 yang tidak tinggal di-dalam Negeri.

15. (1) Sesuatu sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri yang sedang atau pun telah menjalankan pengusahaan2 minyak petroleum (di-sebut sebagai “sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri” dalam bab ini) ada-lah boleh di-taksirkan dan di-kenakan chukai pendapatan, sama ada dengan sechara langsung atau di-dalam nama pengurus-nya, atau pun di-dalam nama sa-saorang lain yang tinggal di-dalam Negeri dan bekerja dalam pengurusan pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri yang tersebut itu, sama sechara dan dengan jumlah wang yang sama banyak-nya sa-olah2 sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri itu ada-lah sa-buah sharikat yang tinggal di-dalam Negeri.

(2) Sesaorang yang dengan siapa nama-nya sesuatu sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri di-taksirkan dan di-kenakan chukai ada-lah bertanggung-jawab —

- (a) bagi segala perkara yang di-kehendakki di-perbuat oleh kuat-kuasa Undang2 ini untok penaksiran chukai sebagaimana yang di-kehendaki di-perbuat oleh sharikat yang tidak tinggal di-dalam Negeri sa-olah2-nya sharikat itu tinggal di-dalam Negeri; dan
- (b) bagi membayar sebarang chukai yang telah di-taksir dan di-kena dalam nama orang tersebut oleh kuat-kuasa cheraian (1).

Pengurus sharikat ada-lah bertanggung-jawab.

16. Pengurus atau sa-saorang pegawai yang utama di-dalam Negeri bagi tiap2 sharikat yang sedang atau telah menjalankan pengusahaan minyak petroleum ada-lah bertanggung-jawab bagi memperlaksanakan segala apa2 tugas sebagaimana yang di-kehendaki di-perbuat oleh kuat-kuasa Undang2 ini bagi penaksiran dan pengenaan chukai untok sharikat sedemikian dan pembayaran chukai sedemikian.

Perlindungan kapada wakil.

17. Tiap2 orang yang bertanggung-jawab di-bawah Undang2 ini untok pembayaran chukai bagi pehak sesuatu sharikat ada-lah boleh menyimpan daripada sebarang wang yang dapat ka-tangan-nya bagi pehak sharikat tersebut sebanyak mana yang menchukupi untok membayar chukai sedemikian dan ada-lah dan dengan ini di-lindongi daripada sesiapa jua pun bagi segala pembayaran yang di-perbuat-nya dengan mengikut dan oleh kuat-kuasa Undang2 ini.

Sharikat yang di-tamatkan.

18. Jika sesuatu sharikat di-tamatkan, maka pegawai yang menamatkan sharikat itu tidak-lah boleh membahagi2kan sebarang harta benda sharikat itu kapada pemegang2 saham-nya kechuali beliau telah menyiapkan simpanan untok pembayaran dengan sepenoh-nya bagi sebarang chukai yang di-dapati boleh di-bayar oleh sharikat itu.

BAHAGIAN VI

Penyata2

Penyata2.

19. Tiap2 sharikat yang sedang atau telah menjalankan pengusahaan minyak petroleum hendaklah, apabila di-kehendaki membuat sedemikian dengan sebarang notis yang bertulis yang di-beri mengikut Undang2 ini, di-dalam tempoh yang di-hadkan dalam notis tersebut itu, yang mana tidak pernah kurang daripada enam bulan selepas permulaan tahun penaksiran, menyediakan dan menyampaikan kepada Pemungut penyata2 yang tepat dan sebenarnya, yang di-tanda-tangani oleh pegawai yang berkuasa bagi sharikat itu, dan mengandongi butir2 yang berikut bagi tempoh asas sedemikian yang dinyatakan di-dalam notis tersebut —

- (i) jumlah keuntungan2-nya yang boleh di-kenakan chukai yang terbit daripada pengusahaan2 demikian;
- (ii) segala pembayaran2 yang boleh dipotong di-bawah bab 14.

Pemungut boleh meng-
hendaki
penyata2
selanjut.

20. Pemungut boleh, dengan memberi notis yang bertulis kepada sesuatu sharikat yang sedang atau telah menjalankan pengusahaan2 minyak petroleum, apakala dan beberapa kali yang di-fikirkan-nya perlu, menghendaki sharikat itu memberi, di-dalam tempoh yang berpatutan yang di-hadkan di-dalam notis itu, penyata yang lebeh lengkap atau selanjut-nya berkenaan dengan sebarang perkara yang penyata itu ada-lah di-kehendaki oleh atau di-bawah Undang2 ini.

Kuasa meng-
hendaki
penyata2,
buku2 dan
lain2-nya.

21. Bagi maksud memperolehi ma'alumat yang lengkap bagi pengusahaan2 minyak petroleum yang di-punyai oleh sesuatu sharikat maka Pemungut boleh-lah memberi notis yang bertulis kepada sharikat itu menghendaki ia di-dalam tempoh yang di-hadkan di-dalam notis tersebut, yang mana tidak kurang daripada tiga-puluh hari daripada tarikh penyampaian notis tersebut, menyiapkan dan menyerahkan kepada Pemungut sebarang penyata yang dinyatakan di-dalam notis itu dan sebagai tambahan

atau sebagai penggantian menghendaki sa-orang wakil yang berkuasa hadir dengan sendiri-nya di hadapan beliau dan mengeluarkan untok di-pereksa sebarang buku2, dokumen2, kira2 dan penyata yang di-fikirkan perlu oleh Pemungut.

Ma'lumat rasmi dan perahsian rasmi.

22. Pemungut boleh, dengan notis yang bertulis, menghendaki sa-saorang pegawai yang bekerja dengan Kerajaan atau sesuatu badan awam memberi sebarang butir2 yang mungkin di-kehendaki bagi maksud2 Undang2 ini dan yang ada di dalam milekan pegawai tersebut :

Dengan syarat ia-itu tidak-lah sa-saorang pegawai itu dengan kuat-kuasa bab ini di-kehendaki memberi ma'lumat sebarang butir yang mana beliau di-bawah sebarang undang2 telah di-kehendaki menyimpan perahsian itu.

BAHAGIAN VII

Penaksiran2

Pemungut akan membuat penaksiran2.

23. (1) Pemungut akan menjalankan tugas menaksir tiap2 sharikat yang boleh di-kenakan cukai salepas sahaja yang boleh satelah luput tempoh yang di-benarkan kapada sharikat itu untok menyampaikan penyata yang di-nyatakan di-dalam bab 19 atau butir selanjut-nya sebagaimana yang boleh di-kehendaki oleh bab 20 Undang2 ini.

(2) Jika sesuatu sharikat telah menyampaikan penyata-nya, maka Pemungut boleh —

- (a) menerima penyata itu atau meminta penyata selanjut-nya dengan chara yang di-tetapkan di-dalam bab 20, dan membuat penaksiran yang sesuai-nya; atau
- (b) enggan menerima penyata itu dan, dengan mengikut timbangan-nya yang sehabis chermat, menetapkan jumlah wang bagi pendapatan yang boleh di-kenakan cukai bagi sharikat itu dan membuat penaksiran yang sesuai-nya.

(3) Jika sesuatu sharikat telah gagal menyampaikan penyata dan Pemungut berpendapat ia-itu sharikat itu ada-lah bertanggung-jawab untuk membayar chukai, maka beliau boleh-lah, mengikut timbangan-nya yang sehabis teliti menetapkan jumlah wang pendapatan yang boleh di-kenakan chukai atas sharikat sedemikian dan membuat penaksiran yang sesuai-nya, tetapi penaksiran sedemikian tidak-lah akan menyentohi sebarang tanggungan yang telah di-kena oleh lain² sebab di-atas sharikat itu tentang kegagalan-nya atau chuai-nya menyampaikan penyata itu.

Penaksiran²
tambahan.

24. Jika pada pandangan Pemungut ia-itu sesuatu sharikat yang kena membayar chukai telah tidak di-taksirkan atau pun telah di-taksirkan dengan kurang daripada jumlah yang sepatut-nya hendak di-bayar, maka Pemungut boleh, di-dalam tahun penaksiran atau di-dalam tempoh enam tahun selepas luput tempoh-nya, menaksir sharikat tersebut dengan jumlah wang atau jumlah tambahan mengikut pendapatan-nya patut telah di-kenakan pembayaran, dan syarat² dari Undang² ini berkenaan notis penaksiran, rayuan dan lain² tindakan di-bawah Undang² ini akan di-kenakan kepada penaksiran sedemikian atau penaksiran tambahan dan kepada chukai yang di-kenakan di-bawah-nya.

Senarai
sharikat² yang
di-taksir dan
notis²
penaksiran.

25. (1) Pemungut hendak-lah dengan seberapa segera-nya menyediakan senarai² sharikat² yang telah di-taksirkan untuk chukai.

(2) Senarai sedemikian (di-sebut “senarai² penaksiran” di-dalam Bahagian ini) hendak-lah mengandongi nama² dan alamat² sharikat² yang boleh di-taksirkan untuk chukai, jumlah keuntungan² yang boleh di-kenakan chukai bagi tiap² sharikat, jumlah chukai yang boleh di-taksirkan, jumlah chukai yang harus di-bayar oleh sharikat itu, dan lain² butir yang mana di-nyatakan.

(3) Jika salinan² yang lengkap bagi segala notis² penaksiran² dan segala notis² pemindaan penaksiran telah di-failkan di-pejabat Pemungut, maka ini adalah menjadikan senarai² penaksiran untuk maksud Undang² ini.

Penyampaian
notis2
penaksiran.

26. (1) Pemungut hendak-lah melaksanakan penyampaian kepada tiap2 sharikat yang nama-nya di-sebutkan di-dalam senarai2 penaksiran satu notis menyatakan jumlah keuntungan2 sharikat itu yang boleh di-kenakan chukai, jumlah chukai yang boleh di-taksirkan, chukai yang harus di-bayar oleh sharikat sedemikian, tempat di-dalam Negeri di-mana pembayaran sedemikian hendak di-perbuat, dan memberi tahu hak2 sharikat itu mengikut cheraian (2) bab ini.

Penyemakan
penaksiran
sekira-nya ada
pembantahan.

(2) Sekira-nya sesuatu sharikat membantah penaksiran, sharikat ini boleh-lah membuat permohonan kepada Pemungut, dengan notis pembantahan yang bertulis, untok mengkaji semula dan menyemak penaksiran yang telah di-perbuat ka-atas-nya. Permohonan tersebut hendak-lah menyatakan dengan jelas segala alasan pembantahan kepada penaksiran itu dan hendak-lah di-perbuat di-dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh penyerahan notis penaksiran itu :

Dengan syarat ia-itu Pemungut, jika berpuas hati bahawa, di-sebabkan oleh sa-saorang telah keluar daripada Negeri atau uzor atau pun di-sebabkan lain2 sebab yang menasabah, sharikat yang membantah penaksiran itu telah di-halang daripada membuat permohonan-nya di-dalam tempoh tersebut, hendak-lah melanjutkan tempoh itu sebagaimana yang di-fikirkan menasabah mengikut keadaan-nya.

(3) Satelah menerima notis pembantahan yang di-nyatakan di-dalam cheraian (2) bab ini, Pemungut boleh-lah, dengan notis bertulis, menghendaki sharikat yang memberi notis pembantahan itu menyerahkan butir2 yang perlu pada pendapatan Pemungut, dan boleh, dengan notis yang bertulis, mengarahkan sa-saorang yang, pada pendapatannya, boleh memberi kenyataan berkenaan dengan penaksiran itu, supaya hadir di-hadapan-nya dan boleh menyoal orang yang tersebut dengan chara bersumpah atau pun tidak bersumpah. Sa-saorang yang hadir sedemikian boleh di-benarkan oleh Pemungut di-bayar pembelanjaan yang menasabah di-belanjakan oleh orang itu semasa ia hadir.

(4) Di-dalam perkara sesuatu sharikat telah di-taksirkan yang membantah penaksiran yang telah di-perbuat ka-atas-nya, bersetuju dengan Pemungut berkenaan dengan jumlah chukai yang boleh dikenakan, maka penaksiran itu hendak-lah di-pinda dengan sesuai-nya, dan notis chukai yang boleh di-bayar hendak-lah di-serahkan kepada sharikat tersebut.

Dengan syarat di-dalam perkara sesuatu sharikat, yang di-bawah cheraian (2) dari bab ini telah meminta kepada Pemungut untuk membuat penyemakan ka-atas penaksiran yang telah di-kenakan kepada-nya, gagal mempersetujui dengan Pemungut berkenaan dengan jumlah chukai yang boleh di-taksir dan chukai yang boleh di-bayar, maka hak-nya membuat rayuan-nya di-bawah syarat2 Undang2 ini terhadap penaksiran yang di-perbuat ka-atas-nya ada-lah tinggal dengan tidak terganggu.

(5) Jikalau notis bantahan itu menimbulkan perselisihan faham berkenaan dengan harga (sebagaimana yang ma'ana-nya di-tetapkan dalam cheraian (2) bab 8 dari Undang2 ini) sebarang minyak petroleum, maka kalau begitu, sekira-nya gagal mendapat persetujuan sharikat dan Pemungut sebelum luput enam puluh hari setelah penyerahan notis bantahan (atau tempoh lain yang boleh di-persetujui), perselisihan faham itu hendak-lah dengan sechара sendiri-nya di-susulkan kepada Jawatankuasa Mengulangkaji Harga (Price Review Committee) untuk penetapan mengikut dengan syarat2 bab 27 dari Undang2 ini. Penetapan dari Jawatankuasa Mengulangkaji Harga (Price Review Committee) ada-lah muktamad dan memutuskan untuk maksud2 penaksiran di-bawah Undang2 ini dan dengan tidak menghiraukan sebarang syarat2 yang lain dari Undang2 ini maka rayuan tidak-lah boleh di-perbuat terhadap penetapan itu.

Jawatankuasa
Mengulangkaji
Harga.

27. (1) Jawatankuasa Mengulangkaji Harga untuk maksud sebarang susulan di-bawah cheraian (5) bab yang baharu lepas ini ada-lah mengandongi orang atau orang2 yang di-persetujui oleh sharikat itu dan Pemungut pada masa susulan itu.

(2) Apabila persetujuan yang tersebut telah gagal maka sharikat dan Pemungut ada-lah masing2 berhak melantek sa-orang ahli Jawatankuasa itu. Sekira-nya mana2 pehak sama ada pehak sharikat atau pehak Pemungut gagal menggunakan hak ini sabelum luput tiga puluh hari dari tarikh susulan itu, maka perlantekan, bagi pehak sharikat atau pehak Pemungut, mana2 yang berkenaan, dengan permintaan mana2 pehak, ada-lah di-perbuat oleh Yang Di-Pertua Institute of Petroleum, London.

(3) Kedua2 ahli yang telah di-lantek sedemikian hendak-lah di-dalam tempoh tiga puluh hari salepas lantekan-nya bersama2 melantek sa-orang ahli yang ketiga yang akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu. Sekira-nya ahli yang mula2 tadi itu tidak membuat persetujuan di-atas lantekan Pengerusi dalam tempoh tiga puluh hari tersebut maka Pengerusi hendak-lah di-lantek dengan permintaan oleh mana2 satu pehak oleh Pengerusi Institute of Petroleum, London.

(4) Jawatankuasa itu hendak-lah membuat atoran2 sedemikian mengawal urusan sebarang penyusulan kapada-nya sebagaimana yang di-fikirkan-nya berpatutan.

(5) Sebarang kuasa menimbang yang di-beri kapada Jawatankuasa oleh bab ini boleh di-gunakan dengan chara undian terbanyak oleh Jawatankuasa atau sekira-nya gagal sechara ini maka kuasa itu di-jalankan oleh Pengerusi.

(6) Sekira-nya Jawatankuasa tidak berpuas hati ia-itu harga sebarang minyak petroleum yang di-jual atau di-gunakan sebagaimana yang di-nyatakan di-dalam penyata yang di-perbuat oleh sharikat itu bagi tempoh asas yang berkenaan di-bawah bab 19 dari Undang2 ini ada-lah sama tinggi dengan harga yang di-susulkan di-dalam cheraian2 (1) dan (2) bab 8, maka Jawatankuasa ini hendak-lah menetapkan harga dengan jumlah yang lebeh tinggi sebagaimana yang di-fikirkan-nya sesuai.

Jika Jawatankuasa itu berpuas hati sedemikian, maka ia akan mengesahkan harga sebanyak mana yang dinyatakan oleh sharikat itu.

(7) Jika sharikat itu telah tidak membuat pernyataan bagi tempoh asas yang berkenaan maka Jawatankuasa hendak-lah menetapkan harga itu dengan sebanyak mana yang di-fikirkan-nya sesuai.

(8) Jawatankuasa itu hendak-lah membuat perintah yang di-fikirkan-nya patut bagi keseluruh atau bagi sebahagian daripada perbelanjaan sebarang penyusulan kepada-nya.

Kesilapan²
dan kechachatan²
dalam
penaksiran
dan notis.

28. (1) Penaksiran, waran dan lain² tindakan yang nampak-nya di-perbuat mengikut syarat² Undang² ini tidak-lah boleh di-batalkan, atau pun di-anggapkan tidak sah atau tidak boleh di-sahkan, kerana tidak menurut bentuk, atau terganggu kerana sesuatu kesalahan, kechachatan atau ketinggalan di-dalam-nya, sekira-nya penaksiran, waran dan tindakan² itu berisi perkara² menurut sebagaimana atau mengikut tujuan dan ma'ana Undang² ini atau sesuatu Undang² yang meminda-nya dan jika sharikat yang di-taksirkan atau hendak di-taksirkan atau terganggu oleh-nya di-sebutkan di-situ mengikut tujuan am dan bersefahaman.

(2) Sesuatu Penaksiran tidak-lah boleh di-soal atau terganggu —

(a) dengan sebab sesuatu kesalahan di-dalam-nya berkenaan dengan —

- (i) nama sharikat yang terkena bayar; atau
- (ii) butir sebarang keuntongan; atau
- (iii) jumlah chukai yang boleh di-taksirkan atau jumlah chukai yang boleh di-kenakan;

(b) dengan sebab sebarang perbezaan di-antara penaksiran dan notis-nya:

Dengan syarat di-dalam perkara² penaksiran maka notis tersebut hendak-lah di-sampaikan kepada sharikat yang di-chadangkan di-da'awa dan

notis itu hendak-lah mengandongi butir² dan perkara² di-atas mana penaksiran itu di-perbuat.

BAHAGIAN VIII

Rayuan²

Rayuan²
terhadap
penaksiran².

29. (1) Sa-saorang (sebagai satu sharikat atau sa-saorang dengan nama-nya sesuatu sharikat di-taksir) yang tidak berpuas hati oleh sesuatu penaksiran yang telah di-perbuat ka-atas-nya, telah gagal bersetuju dengan Pemungut sebagaimana yang di-sharatkan di-dalam cheraian (4) bab 26 dari Undang² ini, boleh-lah membuat rayuan terhadap penaksiran itu ka-Mahkamah Tinggi sabelum luput tiga puluh hari salepas penyampaian notis bahawa kaengganan Pemungut meminda penaksiran sebagaimana yang telah di-hajati:

Dengan syarat, dengan tidak menghiraukan tamat tempoh tiga puluh hari yang tersebut, sa-saorang boleh-lah membuat rayuan terhadap penaksiran yang tersebut jika orang itu boleh menunjukkan sahingga puas hati Mahkamah ia-itu, dengan sebab ketiadaan di-dalam negeri, uzor atau lain² sebab yang menasabah, orang itu telah terganggu daripada memberi kenyataan rayuan di-dalam tempoh tersebut, dan jua kelambatan itu tidak-lah dengan tak berpatutan bagi pehak-nya.

(2) Kenyataan yang menasabah hendak-lah di-beri kapada Pemungut berkenaan dengan tarikh rayuan itu akan di-langsungkan.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang yang terkandung di-dalam bab² 30 atau 31 dari Undang² ini, jikalau di-dalam sesuatu rayuan, daripada ma'alumat yang di-beri semasa persidangan rayuan itu, Mahkamah berpendapat ia-itu chukai tidak mungkin di-perolehi maka Mahkamah itu boleh-lah dengan permintaan yang di-perbuat oleh atau bagi pehak Pemungut menghendaki pehak yang membuat rayuan itu di-dalam satu tempoh yang di-

nyatakan, mengikat satu jaminan untuk pembayaran chukai itu dan sekiranya jaminan itu tidak di-beri di-dalam tempoh yang di-nyatakan maka chukai yang di-taksirkan hendaklah di-bayar dan di-perolehi dengan serta merta.

Rayuan kepada
Mahkamah
Rayuan.

(4) Di-dalam sesuatu perkara yang mana jumlah chukai yang harus di-bayar sebagaimana yang telah di-putuskan oleh Mahkamah Tinggi (tidak termasuk jumlah pembelanjaan² yang di-perintah-kan) lebeh daripada dua ratus ringgit, maka orang yang membuat rayuan itu atau Pemungut bolehlah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan di-atas keputusan Mahkamah Tinggi di-dalam sebarang soalan undang² atau kedua² soalan kenyataan serta undang². Atoran yang mengawal rayuan² ini, kechuali yang berlainan yang di-sharatkan di-dalam bab ini, hendaklah sama seperti rayuan² kepada Mahkamah Rayuan di-atas keputusan Mahkamah Tinggi dalam perbicharaan² mal (civil).

Sharat² yang
di-kenakan
kapada semua
rayuan.

(5) Tiap² sharikat yang membuat rayuan hendaklah melantek sa-orang wakil yang berkuasa yang akan hadzir dengan sendiri-nya di-hadapan Mahkamah pada hari dan waktu yang di-tetapkan untuk persidangan rayuan sharikat tersebut:

Dengan syarat ia-itu sekiranya di-buktikan dengan memuaskan Mahkamah itu bahawa, di-sebabkan ketiadaan di-dalam Negeri, uzor atau lain² sebab yang menasabah, sa-saorang wakil yang telah di-lantek dengan berpatutan ada-lah terhalang daripada hadzir dengan sendiri-nya di-dalam persidangan rayuan itu pada hari dan waktu yang telah di-tetapkan untuk maksud itu, maka Mahkamah bolehlah menanggohkan persidangan rayuan tersebut bagi satu tempoh yang berpatutan sebagaimana di-fikirkan perlu oleh Mahkamah untuk kehadiran wakil tersebut, atau Mahkamah itu bolehlah membenarkan rayuan itu di-jalankan oleh wakil yang lain, kerani atau orang yang berkerja kapada orang yang membuat rayuan itu, bagi pehak-nya atau dengan chara kenyataan bertulis.

(6) Tanggong-jawab membuktikan bahawa penaksiran yang di-rayukan ada-lah berlebihan, ada-lah di-atas sharikat yang berkenaan dengan membuat rayuan itu.

(7) Mahkamah itu boleh-lah mengesahkan, mengurangkan, menaikkan atau membatalkan penaksiran atau pun membuat sebarang hukuman sebagaimana yang di-fikirkan-nya sesuai ka-atas rayuan itu.

(8) Notis jumlah chukai yang boleh di-bayar di-bawah penaksiran itu sebagaimana yang di-tetapkan di-dalam rayuan hendak-lah di-sampaikan oleh Pemungut kepada sharikat yang berkenaan dengan membuat rayuan itu.

(9) Semua persidangan rayuan hendak-lah di-jalankan dengan tertutup kepada awam, kechuali, dengan permintaan sharikat yang berkenaan dengan membuat rayuan itu, Mahkamah hendak-lah mengarahkan sebak-nya.

(10) Perbelanjaan² sesuatu rayuan ada-lah mengikut pertimbangan Mahkamah dan ada-lah se-banyak jumlah yang di-tetapkan-nya.

(11) Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh membuat atoran² mempersyaratkan chara² memberi kenyataan di-hadapan sesuatu Mahkamah dalam rayuan, chara² menjalankan rayuan² tersebut, dan 'am-nya unok memberi kesan kepada sharat² bab ini, atau sekira-nya atoran² itu tidak di-perbuat, maka atoran² yang di-gunakan di-dalam Mahkamah demikian berkenaan dengan Rayuan² Mal (Civil) hendak-lah di-gunakan kepada segala perkara² tersebut.

Penaksiran
hendak-lah
mu'tamad dan
memutuskan.

30. Kechuali sebagaimana yang dengan nyata-nya di-sharatkan di-dalam Undang² ini, jika tidak ada sebarang bantahan yang sah atau rayuan telah di-perbuat sebelum tamat tempoh yang di-hadkan oleh Bahagian ini terhadap penaksiran berkenaan jumlah chukai yang boleh di-bayar sebagaimana yang telah di-taksirkan atau jika jumlah chukai yang boleh di-bayar telah di-tetapkan salepas ban-

tahan atau rayuan, maka penaksiran yang di-perbuat atau di-persetujui atau di-tetapkan selepas rayuan, mana² yang berkenaan, ada-lah mu'tamad dan memutuskan bagi segala maksud² Undang² ini berkenaan dengan jumlah chukai yang boleh di-bayar yang tersebut:

Dengan syarat ia-itu tidak-lah ada sebarangnya di-dalam Bahagian ini yang menghalang Pemungut daripada membuat sebarang pembayaran balek di-bawah syarat² bab 36 dari Undang² ini atau sebarang penaksiran yang tidak menyebabkan pembukaan semula sebarang perkara yang telah di-pertetapkan di-dalam rayuan bagi tahun penaksiran.

BAHAGIAN IX

Pemungutan, Pendapatan Kembali dan Pembayaran Balek Chukai

Atoran di-dalam perkara² yang bantahan atau rayuan masih belum putus.

31. Pemungutan chukai hendak-lah, di-dalam perkara² yang notis untok bantahan atau rayuan telah di-beri, tinggal tergantung sehingga bantahan atau rayuan itu telah di-putuskan:

Dengan syarat ia-itu Pemungut boleh-lah di-dalam sesuatu perkara yang tersebut menguatkuasakan pembayaran sebahagian itu daripada chukai, jika ada, yang mana tidak termasuk di-dalam perselisihan itu.

Tempoh di-dalam mana pembayaran akan di-perbuat.

32. Terta'alok kepada syarat² bab 31 dari Undang² ini, chukai bagi sesuatu tahun penaksiran hendak-lah di-bayar di-dalam lengkongan Negeri yang di-nyatakan di-dalam notis penaksiran di-bawah bab 26 dari Undang² ini sebelum luput dua bulan setelah notis tersebut di-sampaikan.

Hukuman kerana gagal membayar chukai dan menguatkuasakan pembayaran.

33. (1) Terta'alok kepada syarat² cheraian (2) bab ini, jika sesuatu chukai tidak di-bayar di-dalam tempoh² yang di-nyatakan di-dalam bab 32 dari Undang² ini —

(a) sa-jumlah wang yang sama banyaknya dengan lima peratus bagi tiap² sa-

tahun di-atas jumlah chukai yang boleh di-bayar akan di-tambah kapadanya, dan syarat² dari Undang² ini berkenaan dengan pemungutan dan pendapatan kembali bagi chukai itu hendak-lah di-kenakan kapada pemungutan dan pendapatan kembali bagi jumlah yang tersebut;

- (b) Pemungut hendak-lah menyampaikan satu surat tuntutan kapada sharikat yang telah di-taksirkan; dan sekiranya pembayaran tidak di-perbuat sa-belum luput dua bulan daripada tarikh penyampaian surat tuntutan tersebut, maka Pemungut boleh-lah menguatkuasakan pembayaran sebagaimana yang di-sharatkan salepas ini;
- (c) hukuman yang di-kenakan di-bawah cheraian ini tidak-lah di-anggapkan sebagai bahagian daripada chukai yang di-bayar bagi maksud² menuntut pengechualian di-bawah sebarang syarat² Undang² ini.

(2) Pemungut boleh-lah, kerana sebarang sebab yang baik yang telah di-tunjokkan, mema'afkan pembayaran dengan keselurohan-nya atau sebahagian daripada hukuman yang telah di-kenakan di-bawah cheraian (1) dari bab ini.

**Pemungutan
chukai sa-telah
pemutusan
bantahan
atau rayuan.**

34. Jika pembayaran chukai dengan keseluruh-nya atau sebahagian-nya telah di-tangguhkan sehingga keputusan notis bantahan atau rayuan, maka chukai yang belum di-bayar di-bawah penaksiran sebagaimana yang telah di-putuskan dalam bantahan atau rayuan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendak-lah di-bayar sabelum luput sa-bulan daripada tarikh penyampaian kenyataan chukai yang boleh di-bayar kapada sharikat yang di-taksirkan, dan sekiranya chukai tersebut tidak di-bayar di-dalam tempoh tersebut maka syarat² bab 33 dari Undang² ini akan di-kenakan.

Tuntutan
chukai oleh
Pemungut.

35. (1) Terta'alok kepada syarat2 bab 31 dari Undang2 ini, chukai boleh-lah di-tuntut dan diperolehi di-Mahkamah Tinggi oleh Pemungut dalam nama rasmi-nya dengan segala faedah mengikut kadar sebagaimana yang di-hukumkan oleh Mahkamah dan dengan perbelanjaan tuntutan yang penoh daripada sharikat yang di-tuntuti sebagai satu hutang kepada Kerajaan.

(2) Pemungut boleh-lah hadir dengan sendiri atau di-wakili oleh peguam di-dalam sesuatu pembicharaan kerana tuntutan yang di-perbuat di-bawah bab ini.

(3) Di-dalam sesuatu pembicharaan tuntutan di-bawah cheraian (1) bab ini, maka pengeluaran suatu surat akuan (certificate) yang di-tandatangani oleh Pemungut yang memberi nama dan alamat pehak yang kena tuntutan dan jumlah wang yang patut di-bayar-nya ada-lah memadai sebagai kenyataan jumlah yang patut di-bayar dan kuasa yang memadai untuk Mahkamah memberi hukuman-nya bagi jumlah yang tersebut.

Pembayaran
balek
bagi
chukai.

36. Sekira-nya ada-lah di-buktikan sehingga memuaskan Pemungut bahawa sa-saorang telah membayar chukai bagi sesuatu tahun penaksiran dengan lebeh daripada jumlah yang sabenar-nya ia patut membayar, maka orang itu ada-lah berhak menerima kembali jumlah yang telah dengan lebeh-nya di-bayar itu. Tiap2 tuntutan untuk pembayaran balek di-bawah bab ini hendak-lah di-buat sebelum luput enam tahun satelah tamat tahun penaksiran yang berkaitan dengan tuntutan itu. Pemungut hendak-lah mengesahkan jumlah yang akan di-bayar balek dan menguruskan supaya pembayaran balek itu di-perbuat dengan serta merta:

Dengan syarat ia-itu tidak-lah sebarang-nya di-dalam bab ini akan menyebabkan supaya di-lanjutkan atau di-kurangkan tempoh yang di-hadkan untuk rayuan atau pembayaran balek yang di-nyatakan di-dalam mana2 bab yang lain atau menguatkuasakan sebarang bantahan atau rayuan yang

telah tidak ada kuat-kuasa-nya lagi, atau membenarkan pengulang-kajian sesuatu penaksiran atau lain2 perkara yang telah mu'tamad dan di-putuskan.

BAHAGIAN X

Kesalahan2 dan Hukuman2

Hukuman2.

37. (1) Sesiapa jua yang dengan sengaja-nya —
- (a) gagal memenohi segala kehendak2 notis yang di-beri kapada-nya di-bawah sesuatu bab atau cheraian yang berikut bagi Undang2 ini, ia-itu —
Bab 19, Bab 20, Bab 21, Bab 22, atau cheraian (3) Bab 23; atau
 - (b) gagal hadzir sebagai menjawab saman yang di-keluarkan di-bawah cheraian (3) bab 23 dari Undang2 ini atau setelah hadzir gagal, tanpa sebab2 yang menchukupi, menjawab sebarang soalan yang dengan sah-nya di-perbuat kapada-nya;

ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Undang2 ini.

(2) Sa-saorang yang telah melakukan kesalahan di-bawah Undang2 ini yang mana hukuman yang lain tidak di-adakan ada-lah boleh di-hukumkan, jika thabit kesalahan-nya, dengan hukuman denda yang tidak lebeh daripada seribu ringgit dan jika hukuman denda ini tidak di-bayar orang ini akan boleh di-hukumkan penjara selama tidak lebeh daripada enam bulan:

Dengan syarat ia-itu tidak sa-saorang pun boleh di-da'awa kerana sesuatu kesalahan di-bawah Undang2 ini berkenaan dengan kegagalan memenohi syarat2 sesuatu notis yang di-keluarkan di-bawah syarat2 Undang2 ini atau sesuatu atoran di-perbuat di-bawah-nya kechuali notis tersebut telah di-serahkan kapada orang itu sendiri.

Hukuman
kerana
membuat
penyata yang
tidak betul.

38. (1) Sa-saorang yang dengan sengaja —
- (a) membuat penyata yang tidak betul dengan meninggalkan atau dengan kurang-nya menyatakan sebarang keuntongan yang mana ia di-kehendaki membuat penyata oleh Undang2 ini; atau
 - (b) memberi sebarang ma'alumat yang tidak betul berhubong dengan sesuatu perkara atau benda yang mengenai tanggong-jawab chukai-nya;

ada-lah melakukan kesalahan dan jika thabit kesalahan-nya boleh di-hukum denda tidak lebeh daripada seribu ringgit dan lipat ganda jumlah chukai yang telah kurang di-kenakan yang terbit daripada penyataan atau ma'alumat yang tidak betul itu, atau mungkin akan kurang di-kenakan bayaran sekiranya penyata atau ma'alumat itu telah di-terima sebagai betul, dan jika pembayaran denda sedemikian tidak di-perbuat orang itu boleh di-hukum penjara selama tidak lebeh daripada enam bulan.

(2) Tidak-lah sesiapa jua pun boleh di-hukum dengan sebarang hukuman di-bawah bab ini kechuali pengaduan berkaitan kesalahan itu telah di-perbuat di-dalam tahun penaksiran yang mengenai atau dalam tempoh yang mana kesalahan itu telah di-lakukan atau sabelom luput tempoh enam bulan salepas tamat tahun penaksiran yang tersebut.

(3) Pemungut boleh-lah dengan sendiri-nya menjatohkan hukuman dengan persetujuan (compound) ka-atas sebarang kesalahan di-bawah bab ini dan sabelom Mahkamah menjatohkan hukuman beliau boleh-lah jua memberhentikan sesuatu penda'awaan itu atau menjatohkan hukuman-nya dengan persetujuan (compound) sendiri kapada penda'awaan tersebut :

Dengan sharat ia-itu sesuatu penda'awaan yang telah di-jalankan dengan kebenaran Peguam Negara tidak-lah boleh di-berhentikan atau di-hukumkan dengan persetujuan (compound) tanpa di-luluskan oleh Peguam Negara sendiri.

Sharat2
hukuman ber-
kaitan dengan
menipu dan
sebagai-nya.

39. (1) Sesiapa sengaja-nya dengan bertujuan mengelakkan atau membantu sa-saorang yang lain untok mengelakkan chukai —

- (a) tidak memasokkan di-dalam penyata di-bawah Undang2 ini sesuatu pendapatan atau keuntongan yang sepatutnya di-masokkan; atau
- (b) membuat sesuatu kenyataan palsu atau memasokkan butir palsu di-dalam sesuatu penyata yang di-perbuat di-bawah Undang2 ini; atau
- (c) memberi sesuatu jawapan palsu, sama ada dengan chara mulut atau bertulis, kapada sesuatu soalan atau permintaan ma'alumat yang di-soal atau di-perbuat mengikut dengan sharat2 Undang2 ini; atau
- (d) menyediakan atau memakai atau membenarkan penyediaan atau pemakaian buku kira2 atau rekod2 yang lain2 yang palsu atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan sesuatu buku kira2 atau rekod2; atau
- (e) menggunakan sebarang tipu daya, chara atau helah yang walau pun ma-cham mana jua rupa-nya atau pun membenarkan kegunaan sebarang tipu daya, chara atau helah tersebut;

ada-lah melakukan kesalahan, dan boleh di-hukumkan jika thabit dengan kesalahan-nya dengan hukuman denda sebanyak tidak lebeh daripada sepuluh ribu ringgit dan tiga kali ganda jumlah chukai yang telah kurang di-bayar di-sebabkan oleh tiap2 satu kesalahan itu, atau mungkin akan di-kurangkan pembayaran chukai-nya sekira-nya penyata, kenyataan, kira2 atau ma'alumat tersebut telah di-terima sebagai betul, atau mungkin akan di-kurangkan pembayaran chukai-nya sekira-nya tipu-daya, chara atau helah tersebut telah tidak di-ketahui, atau pun di-hukum penjara selama tidak lebeh daripada tiga tahun, atau pun kedua2 hukuman denda dan penjara saperti yang tersebut.

(2) Pemungut boleh-lah dengan sendiri-nya menjatuhkan hukuman dengan persetujuan (compound) ka-atas sebarang kesalahan di-bawah bab ini dan sabelom Mahkamah menjatuhkan hukuman beliau boleh-lah jua memberhentikan sesuatu penda'awaan dan menjatuhkan hukuman dengan persetujuan (compound) sebarang penda'awaan di-bawah bab itu:

Dengan syarat ia-itu sesuatu penda'awaan yang telah di-jalankan dengan kebenaran Peguam Negara tidak-lah boleh di-berhentikan atau di-jatuhkan hukuman dengan persetujuan (compound) tanpa kebenaran daripada Peguam Negara sendiri.

Hukuman² bagi 40.
kesalahan²
yang di-
lakukan oleh
orang² yang
berkuasa atau
tidak berkuasa.

Sesiapa yang —

- (a) menjadi sa-orang yang telah di-lantek untok pentadbiran berpatutan bagi Undang² ini atau sa-saorang penolong yang bekerja berkaitan dengan penaksiran itu dan pengutipan chukai —
 - (i) meminta jumlah yang lebeh daripada penaksiran yang di-benarkan bagi chukai yang boleh di-bayar daripada sa-saorang;
 - (ii) menyimpan untok kegunaan-nya sendiri-nya atau lain²-nya sebarang bahagian daripada jumlah chukai yang di-pungut;
 - (iii) memberi penyata yang palsu, sama ada dengan chara mulut atau dengan bertulis, berkenaan segala jumlah chukai yang di-pungut atau di-terima-nya;
 - (iv) menipu sa-saorang atau dengan chara yang lain² menggunakan jawatan-nya untok menguruskan dengan tipu sama ada dengan Pemungut atau sesuatu pehak yang lain; atau
- (b) sebagai sa-orang yang tidak mempunyai kuasa membuat sedemikian, memungut atau menchuba memungut chukai di-bawah Undang² ini;

ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukum jika thabit dengan kesalahan-nya dengan hukuman denda sebanyak tidak lebeh daripada sepuluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama tidak lebeh daripada tiga tahun atau kedua2 hukuman denda dan penjara tersebut.

Chukai adal-ah boleh di-bayar dengan tidak menghiraukan sebarang langkahan kerana hukuman2.

41. Pengadaan sebarang langkahan, atau pun pengenaan hukuman, denda atau penjara di-bawah Undang2 ini tidak-lah membebaskan sa-saorang daripada tanggung-jawab kepada pembayaran sebarang chukai yang mana ia kena atau harus membayar.

Kebenaran untok penda'awaan.

42. Tidak-lah sebarang penda'waan berkenaan dengan kesalahan di-bawah bab 37, 38, 39, atau 40 dari Undang2 ini boleh di-jalankan kechuali dengan permohonan Pemungut dan dengan kebenaran Peguam Negara.

Bidang-kuasa Mahkamah2.

43. Hukuman ka-atas sebarang kesalahan di-bawah atau terhadap Undang2 ini atau sesuatu atoran yang di-perbuat di-bawah-nya boleh-lah di-perbuat di-hadapan Mahkamah Tinggi.

Pengechualian bagi perbi-charaan jinayah.

44. Sharat2 Undang2 ini tidak-lah menghalang sebarang pembicharaan jinayah di-bawah undang2 yang bertulis yang lain2.

BAHAGIAN XI

Rampaian

Batasan berkenaan dengan kesan Undang2 Chukai Pendapatan dan Undang2 yang lain.

Panggal 35.

45. Chukai tidak-lah boleh di-kenakan oleh Negeri di-bawah Undang2 Chukai Pendapatan atau Undang2 yang lain kepada sebarang keuntongan atau pendapatan yang di-kira, di-bawah sharat2 undang2 ini, semasa mengira jumlah sebarang keuntongan yang di-kenakan chukai di-atas mana chukai ada-lah di-kenakan dan di-bayar di-bawah sharat2 Undang2 ini, atau berkenaan dengan sebarang fae-dah yang di-bayar daripada keuntongan2 atau pendapatan sedemikian.

Pengechualian
berkenaan
dengan chukai
pendapatan
Commonwealth.

46. (1) Jika sa-saorang di-dalam Negeri yang telah membayar dengan chara pemotongan atau lain2, atau pun terkena membayar chukai di-bawah Undang2 ini bagi sesuatu tahun penaksiran di-atas sebarang bahagian daripada pendapatan-nya, boleh membuktikan sahingga kepuasan Pemungut bahawa ia telah membayar, dengan chara pemotongan atau lain2, atau pun terkena membayar, chukai pendapatan Commonwealth bagi tahun itu untok bahagian pendapatan-nya yang sama ia ada-lah berhak mendapat pengechualian daripada chukai dalam Negeri ini yang telah di-bayar atau harus di-bayar oleh-nya di-atas bahagian pendapatan-nya mengikut kadar bagi-nya yang akan di-tetapkankan saperti berikut —

- (a) jika kadar Commonwealth bagi chukai tidak melebihi dua-puluh-lima peratus, maka kadar pengechualian yang akan di-beri ia-lah kadar Commonwealth bagi chukai itu;
- (b) di-dalam perkara yang lain kadar pengechualian yang akan di-beri ia-lah dua-puluh-lima peratus di-atas pendapatan itu.

Ma'ana
"chukai
pendapatan
Commonwealth".

(2) Bagi maksud2 bab ini "chukai pendapatan Commonwealth" berm'a sebarang chukai pendapatan yang di-kenakan di-bawah sesuatu undang2 yang sedang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam sesuatu bahagian Commonwealth (selain daripada Negeri ini) :

Dengan syarat ia-itu pembuat undang2 di-bahagian itu atau di-tempat itu telah mengadakan pengechualian berkenaan chukai yang di-kenakan ka-atas pendapatan kedua2 di-bahagian itu atau di-tempat itu dan di-dalam Negeri ini dengan chara yang pada pendapatan Pemungut ada-lah berseesuaian dengan pengechualian yang di-beri oleh bab ini.

Peratoran2
chukai dua
kali ganda
dengan
wilayah2
yang lain2.

47. (1) Jikalau Sultan dalam Majlis Meshuarat dengan perintah mengishtiharkan ia-itu peratoran2 yang di-nyatakan di-dalam perintah itu telah di-perbuat dengan Kerajaan bagi sesuatu wilayah di-luar Negeri ini dengan tujuan untok mengadakan penge-

chualian daripada chukaian dua kali ganda berkaitan dengan sebarang chukai yang di-kenakan di-bawah syarat2 Undang2 ini dan sabarang chukai yang sama jenis-nya yang di-kenakan oleh undang2 bagi wilayah itu, dan ada-lah mustahak ia-itu peratoran2 yang tersebut hendak-lah berjalan kuasa-nya, maka peratoran2 itu akan berjalan kuasa-nya dengan tidak menghiraukan apa2 yang berlawanan yang terkandung di-dalam sesuatu undang2.

(2) Di-masa membuat perintah di-bawah bab ini berkenaan dengan peratoran2 yang berhubung dengan sesuatu wilayah yang menjadi bahagian daripada Commonwealth (salain daripada Negeri ini), bab 46 dari Undang2 ini tidak-lah mempunyai kuasa bagi berkenaan dengan wilayah itu dan hendak-lah di-anggapkan sebagai telah tidak mempunyai kuasa mulai daripada tahun penaksiran pertama yang mana peratoran2 itu dengan nyata-nya di-kenakan kechuali setakat peratoran2 mengadakan sa-balek-nya.

(3) Pegawai Kewangan Negara boleh-lah membuat atoran2 untok melaksanakan syarat2 sebarang peratoran yang berkuatkuasa di-bawah bab ini.

(4) Perintah yang di-perbuat di-bawah syarat2 cheraian (1) boleh-lah meliputi syarat2 untok pengechualian daripada chukai bagi tahun2 penaksiran yang mulai atau tamat sabelom perintah itu di-perbuat dan syarat2 berkenaan pendapatan (kalimah yang mana termasuk keuntungan yang bukan dengan sendiri-nya boleh di-kenakan chukai dua kali ganda.)

(5) Jika, sabelom penyiaran Undang2 ini di-dalam *Warta Kerajaan* satelah di-luluskan, sebarang perintah yang telah di-perbuat di-bawah syarat2 bab 41 dari Undang2 Chukai Pendapatan dan peratoran2 yang di-nyatakan di-dalam perintah itu, dengan pindaan2-nya, ada-lah di-nyatakan di-kenakan kapada chukai di-dalam wilayah yang luar daripada Negeri dan kapada chukai pendapatan di-dalam Negeri dan kapada sebarang chukai yang lain2 yang mengandongi banyak butir2 yang serupa sama-ada di-kenakan di-dalam wilayah itu atau Negeri itu atau

pun di-kenakan oleh mana2 Pihak Yang Mengikat Konterek (Contracting Party) kepada sebarang peratoran2 sedemikian selepas peratoran2 itu telah berjalan kuat-kuasa-nya dan —

- (a) perintah sedemikian telah di-buat sebelum 1 haribulan January, 1963, maka bagi maksud Undang2 ini perintah tersebut hendak-lah di-anggapkan sebagai telah di-buat di-bawah bab ini pada hari itu dan peratoran2 tersebut adalah berjalan kuat-kuasa-nya, di-dalam Negeri, berkenaan dengan chukai bagi sebarang tahun penaksiran; atau
- (b) perintah sedemikian telah di-buat selepas 31 haribulan December, 1962, maka bagi maksud2 Undang2 ini perintah tersebut hendak-lah di-anggapkan telah di-buat di-bawah bab ini pada hari itu dan peratoran2 yang di-nyatakan di-dalam-nya ada-lah berjalan kuat-kuasa-nya, di-dalam Negeri berkenaan dengan chukai bagi sebarang tahun penaksiran mulai pada atau selepas tarikh apabila peratoran2 itu berjalan kuat-kuasa-nya dan untuk bahagian yang belum tamat tempohnya bagi sebarang tahun penaksiran yang sedang berjalan pada tarikh itu.

Chara untuk menghitong pengechualian yang akan di-benarkan untuk chukaian yang dua kali ganda.

48. (1) Syarat2 bab ini akan berjalan kuat-kuasa-nya jika, di-bawah peratoran2 yang berjalan kuat-kuasa di-bawah bab 47, chukai negeri luar yang boleh di-bayar bagi sebarang pendapatan di-dalam wilayah dengan Kerajaan yang mana peratoran2 di-perbuat akan di-benarkan sebagai pengiraan piutang terhadap chukai yang boleh di-bayar bagi pendapatan itu di-dalam Negeri; dan di-dalam bab ini kalimah “chukai negeri luar” berma’ana sebarang chukai yang boleh di-bayar di-dalam wilayah itu yang mana, di-bawah peratoran2 itu, boleh di-benarkan begitu, dan “pendapatan” berma’ana mana2 bahagian itu daripada keuntongan bagi sesuatu tahun penaksiran yang boleh di-kenakan kedua2 chukai dan chukai luar negeri, sabelom pemotongan

sebarang chukai, chukai luar negeri, pengiraan piutang kapada chukai luar negeri atau pun pengechualian yang di-beri di-bawah cheraian (6).

(2) Jumlah piutang (Credit) yang di-benarkan kapada sesuatu sharikat di-bawah syarat2 sebarang peratoran2 sedemikian hendak-lah di-pertimbangkan kapada chukai yang boleh di-kenakan atas sharikat itu bagi pendapatan, dan jika chukai itu telah di-bayar maka jumlah piutang itu boleh-lah di-bayar balek kapada sharikat itu atau di-bawa kahadapan terhadap chukai yang boleh di-kenakan kapada sharikat itu bagi sebarang tahun penaksiran yang berikutan.

(3) Piutang bagi tahun penaksiran hendak-lah tidak boleh melebihi yang mana satu yang kurang bagi jumlah2 yang berikut, ia-itu —

- (a) jumlah chukai luar negeri yang boleh di-bayar bagi pendapatan itu;
- (b) lima puluh peratus daripada pendapatan itu.

(4) Tanpa menchachatkan syarat2 cheraian (3) jumlah piutang yang boleh di-benarkan kapada satu sharikat bagi sesuatu tahun penaksiran untok chukai luar negeri di-bawah segala peratoran2 yang berkuat-kuasa di-bawah bab 47 tidak-lah melebihi daripada jumlah chukai yang mungkin akan kesudahan-nya di-beban oleh sharikat itu, bagi tahun penaksiran, sekira-nya piutang sedemikian tidak di-benarkan.

(5) Jika pendapatan itu termasuk satu faedah dan di-bawah peratoran2 itu chukai luar negeri tidak-lah boleh di-kenakan sechara langsung atau oleh chara pematongan di-atas faedah itu akan di-masokkan ka-dalam pengiraan semasa mengira jika ada, dan jika sedemikian berapa-kah, piutang yang akan di-beri terhadap chukai bagi faedah itu, maka kapada jumlah pendapatan itu hendak-lah di-tambah dengan jumlah chukai luar negeri yang tidak di-kenakan yang akan di-masokkan di-dalam pengiraan semasa mengira jumlah piutang itu.

(6) Jika jumlah chukai luar negeri yang dapat di-sebabkan kepada pendapatan lebeh daripada piutang bagi chukai itu yang telah di-kira di-bawah cheraian (3), maka jumlah pendapatan itu, yang akan di-masokkan semasa mengira keuntongan² bagi sebarang maksud Undang² ini selain daripada cheraian (3) akan di-anggapkan sebagai jumlah pendapatan itu yang di-tambah dengan jumlah piutangnya salepas pemotongan chukai luar negeri.

(7) Sesuatu tuntutan untuk pengechualian dengan chara piutang (credit) hendak-lah di-perbuat tidak lewat daripada dua tahun salepas penghujung tahun penaksiran dan jika ada sebarang perselisehan berkenaan dengan jumlah yang di-benarkan maka Pemungut akan memberi notis kepada pehak yang menuntut di-atas kaengganannya di-tunaikan tuntutan itu dan rayuan boleh-lah di-buat terhadap notis itu sebagaimana chara rayuan terhadap penaksiran.

(8) Jika jumlah sebarang piutang yang di-beri di-bawah peratoran² itu telah menjadi lebeh atau tidak menchukupi dengan sebab sebarang pelarasan atau jumlah sesuatu chukai yang boleh di-bayar sama ada di-dalam Negeri atau di-tempat² lain, maka tidak-lah sebarang-nya di-dalam Undang² ini yang menghadkan waktu untuk membuat penaksiran² atau tuntutan² untuk pembayaran balek chukai harus di-kenakan kepada sesuatu penaksiran atau tuntutan yang mana pelarasan itu akan menimbulkan, yang menjadi penaksiran atau tuntutan yang di-perbuat tidak lewat dari dua tahun mulai daripada waktu apabila segala penaksiran² pelarasan² dan lain² penetapan² sedemikian telah di-perbuat, sama ada di-dalam Negeri atau di-tempat² lain, sebagai berkenaan di-dalam menetapkan sama ada, dan jika sedemikian berapa-kah piutang akan di-beri.

JADUAL

(Bab 9)

ELAUN² MODAL

1. Bagi maksud² Jadual ini, kechuali maksud-nya berkehen- **Tafsiran.** dakkan ma'ana yang lain:—

“maksud yang boleh di-kenakan bayaran” berma’ana maksud bagi menggunakan harta-benda kepada kegunaan yang keuntongan² atau pendapatan terhimpun atau di-chadangkan terhimpun daripadanya dan boleh di-kenakan bayaran chukai di-bawah Undang² ini di-dalam Negeri;

“pengizinan” termasuk lesen menchari minyak, pajakan melombong minyak, perjanjian melombong minyak, sebarang hak, surat milekan (title) atau bahagian dalam atau kepada minyak petroleum di-dalam tanah dan sebarang pemilehan untuk memperoleh lesen, pajakan, perjanjian, hak, surat pemilekan atau bahagian yang tersebut dan sebarang pembaharuan atau pembaharuan²-nya;

“pajakan” termasuk perjanjian untuk pajakan jika syarat untuk di-liputi oleh pajakan itu telah di-mulai, sebarang penyewaan dan sebarang perjanjian untuk penyewaan harta-benda, tetapi tidak termasuk penggadaian, dan segala kalimah² yang serupa itu termasuk “bahagian dalam pajakan” hendak-lah di-ma’anakan dengan sesuai-nya, dan

- (a) jika, dengan kebenaran daripada orang² yang memberi pajak, pemajak sebarang harta-benda maseh tinggal memileki harta itu salepas penamatan pajakan tanpa pajakan baharu di-beri kapada-nya, maka pajakan itu hendak-lah di-anggapkan bagi maksud² Jadual ini berjalan terus selagi pemajak itu maseh tinggal memileki sebagaimana yang tersebut; dan
- (b) jika, dengan penamatan pajakan sebarang harta-benda, pajakan baharu bagi harta itu di-beri kapada pemajak maka syarat² Jadual ini ada-lah berjalan terus sa-olah² pajakan yang kedua ada-lah sambongan pajakan pertama;

“perbelanjaan yang di-benarkan” berma’ana, dengan terta’alok kapada syarat² yang ternyata bagi Jadual ini, perbelanjaan yang di-perbuat di-dalam tempoh asas yang —

- (a) perbelanjaan asas (di-dalam Jadual ini di-gelar “perbelanjaan yang di-benarkan untuk alatan jentera”) yang di-kena ka-atas alatan jentera, jentera, alatan² yang di-pasang ka-bumi (fixtures) atau pembenaan sebarang bangunan², binaan atau alat² perkerjaan (works) yang mungkin kurang nilaiannya atau tidak ada langsung nilaiannya apabila sumber simpanan minyak petroleum itu tidak lagi di-usahakan atau yang, apabila sumber itu telah di-usahakan

di-bawah satu pengizinan mungkin menjadi tidak berharga kepada sharikat yang mengusahakan sumber itu apabila tamat tempoh pengizinan itu;

- (b) perbelanjaan asas (di-dalam Jadual ini di-gelar “perbelanjaan yang di-benarkan untuk bangunan”) yang di-kenakan untuk pembenaan bangunan², binaan², atau perkerjaan² (works) yang sechara tetap termasuk pejabat²; atau
- (c) perbelanjaan asas (di-dalam Jadual ini di-gelar “perbelanjaan yang di-benarkan untuk menyiasat”), selain daripada perbelanjaan chara pemulehan samula (secondary recovery), yang di-kenakan berhubung dengan:
 - (i) pengambilan, atau hak² di-dalam atau ka-atas, simpanan² minyak petroleum atau pembelian ma’lumat berkenaan dengan ada-nya dan banyak-nya simpanan² itu; atau
 - (ii) menchari atau memperolehi dan menguji simpanan² minyak petroleum, atau menda-patkan dengan chara penyelidekan sedemi-kian:

Dengan syarat ia-itu, bagi maksud ta’arif ini *Sharat*. perbelanjaan yang di-benarkan tidak-lah akan termasuk sesuatu jumlah wang yang boleh di-potong di-bawah syarat² bab 14 dari Undang² ini.

“bahagian yang berkenaan” berma’ana, berhubung dengan sebarang perbelanjaan yang di-kenakan ka-atas pembenaan bangunan, binaan atau alatan² perkerjaan (works), bahagian dalam bangunan, binaan atau alatan² perkerjaan (works) yang mana sharikat telah mengeluarkan perbelanjaan itu berhak manakala mengeluarkan perbelanjaan itu;

“chara pemulehan samula (secondary recovery)” berma’ana satu ranchangan yang mempunyai tujuan untuk pengeluaran “hydrocarbons” dengan meng-gunakan tenaga dari luar kepada kolam².

“belanja bagi chara pemulehan samula (secondary recovery)” termasuk perbelanjaan² untuk memperolehi sumber tenaga, penggunaan tenaga, bagi alatan jentera di-atas muka bumi yang berkenaan dan tempat penyaluran atau pindaan tiap² penyaluran (menggali telaga tambahan) yang di-kehendaki un-tok menjalankan ranchangan termasuk belanja² orang yang berkerja, pengkajian² dan kebolehan²

tambahan kepada ranchangan itu dan belanja2 untok mengeluarkan dan menjalankan langkahan ka-atas "hydrocarbons" untok menghapuskan segala kotoran2 atau lain2-nya sebagaimana yang perlu untok menjadikan ia sesuai di-hantar keluar negeri;

"mendapatkan dengan chara penyelidekan" termasuk-lah segala penggalian untok menchari minyak tetapi tidak termasuk segala penggalian untok menaksir dan perkembangan.

2. (1) Bagi maksud2 Jadual ini, jika perbelanjaan asas ada di-kenakan atau di-anggapkan di-bawah perenggan 3 dari Jadual ini telah di-kenakan oleh suatu sharikat sebelum tempoh asas-nya yang pertama dan perbelanjaan yang sedemikian akan menjadi di-anggapkan sebagai perbelanjaan yang di-benarkan jikalau ia telah di-kenakan oleh sharikat itu pada hari yang pertama tempoh asas-nya pertama, maka
- Perbelanjaan asas yang di-kenakan sebelum tempoh asas pertama.**
- (a) jika perbelanjaan itu di-kenakan berkenaan dengan harta-benda yang di-miliki oleh sharikat perbelanjaan itu (di-dapat tahu tanpa kelayakan yang terkandung di-dalam syarat bagi ta'arif perbelanjaan yang di-benarkan) atau pun baki perbelanjaan tersebut (di-dapat tahu mengikut dengan syarat2 perenggan-kechil (2) dari perenggan ini) akan di-anggapkan sebagai perbelanjaan yang di-benarkan yang di-kenakan oleh-nya pada hari itu; atau
- (b) sekira-nya perbelanjaan itu telah di-kenakan terhadap kapada satu harta-benda yang telah di-habiskan (disposed of) (selain daripada yang harus di-jangka di-perenggan-kechil (1) dari perenggan 3 Jadual ini) oleh sharikat itu sebelum permulaan tempoh asas pertama-nya tetapi selepas 1 haribulan Januari, 1962, maka sebarang kelebihan perbelanjaan tersebut daripada nilaiian harta-benda itu (di-dapat tahu mengikut dengan syarat2 cheraian-kechil (3) perenggan ini) ada-lah di-anggapkan sebagai perbelanjaan yang di-benarkan yang telah di-kenakan oleh sharikat itu pada hari itu dan telah di-ujudkan satu harta-benda yang di-punyai oleh sharikat itu yang di-gunakan untok maksud2 pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh sharikat itu, dan sebarang yang lebeh daripada nilaiian harta-benda itu (yang di-dapat tahu sebagaimana yang tersebut) ka-atas perbelanjaan tersebut akan di-anggapkan sebagai pendapatan yang tidak di-jangka kapada pengusahaan minyak petroleum sharikat itu untok tempoh asas yang pertama-nya untok maksud2 bab 8 dari Undang2 ini.

- (2) Untok maksud2 perenggan ini, baki perbelanjaan asas hendak-lah di-beri ma'ana kapada jumlah perbelanjaan asas yang di-keluarkan oleh satu sharikat sebelum tempoh asas-nya yang pertama terhadap sebarang harta-benda (di-dapat tahu tanpa kelayakan yang terkandung di-dalam syarat bagi ta'arif perbelanjaan yang di-benarkan) di-potong dengan elaun mula2, jika ada, dan sebarang elaun2 tahunan yang di-perbuat bagi-nya kapada sharikat tersebut di-bawah Undang2 Chukai Pendapatan atau Perintah Chukai Pendapatan (Perkembangan Sumbang2 Logam) (Penggalakan), dan sebagaimana yang di-kurangkan dengan syarat2 perenggan-kecil (4) perenggan 3 Jadual Ketiga kapada Undang2 Chukai Pendapatan.

*Panggal 35.
dan
Bil. S 43.*

Dengan syarat baki perbelanjaan asas atas pembenaan pejabat2 akan di-hitong sa-olah2 perbelanjaan yang tersebut itu telah di-anggap sesuai bagi sebarang elaun2 tahunan yang di-benarkan terhadap perbelanjaan asas atas pembenaan bangunan2 perusahaan atau structure2 di-bawah Undang2 atau Perintah tersebut itu.

- (3) Untok maksud2 perenggan ini nilaiian sesuatu harta-benda pada tarikh di-habiskan (disposal) ada-lah pendapatan berseh dari penjualan itu dan faedah yang berkenaan di-situ, atau, jika di-habiskan (disposed of) tanpa di-jual, tidak-lah ada sebarang nilaiian-nya, kechuali sekira-nya satu harta-benda di-habiskan (disposed of) di-dalam keadaan sedemikian yang wang insuran atau ganti-rugi di-terima oleh tuan yang punya, maka harta-benda dan faedah yang berkenaan, mana2 yang bersangkutan, hendak-lah di-anggapkan sebagai telah di-jualkan dan sa-olah2 pendapatan berseh dari wang2 insuran atau ganti-rugi ada-lah pendapatan berseh dari penjualan itu.
- (4) Jika, di-bawah Undang2 Chukai Pendapatan atau Perintah Chukai Pendapatan (Perkembangan Sumbang2 Logam) (Penggalakan), satu sharikat telah menerima elaun penanaman modal atau elaun2 mula2 berkenaan dengan perbelanjaan asas yang di-kenakan oleh sharikat ini sabelom tempoh asas-nya yang pertama, maka elaun mula2 tidak akan di-perbuat di-bawah Jadual ini terhadap kapada baki perbelanjaan tersebut dan tidak-lah sebarang elaun permulaan di-buat di-bawah Jadual ini berkenaan dengan perbelanjaan tersebut yang telah di-kenakan sabelom 1 haribulan January, 1962 sahingga mana ia telah di-kenakan atas pembenaan pejabat2.

*Panggal 35
dan
Bil. S 43.*

3. (1) Bagi maksud2 Jadual ini, jika suatu harta-benda berkenaan yang mana tuan punya yang pertama telah dikenakan perbelanjaan yang di-benarkan, telah di-habiskan (disposed of) kepada tuan punya yang kedua tanpa dengan berjual atau sekira-nya syarat2 di-habiskan-nya (disposal) ada-lah terta'alok kepada kawalan (sebagaimana yang di-ta'arifkan di-perenggan-kecil 3 dari perenggan 14), dan jika harta-benda sedemikian di-dalam tangan tuan punya yang kedua ada-lah atau akan di-gunakan untuk maksud2 pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh tuan punya yang kedua, maka baki perbelanjaan yang tersebut (yang di-dapat tahu mengikut dengan syarat2 perenggan-kecil (2) dari perenggan ini) hendak-lah di-anggapkan sebagai perbelanjaan yang di-benarkan yang telah di-kenakan oleh tuan punya yang kedua pada hari yang mana tuan punya yang kedua telah mengambil pemilikan harta-benda itu, atau pada hari apabila harta-benda itu di-pergunakan, yang mana2 satu yang terkemudian.
- (2) Untuk maksud2 perenggan ini, baki perbelanjaan yang di-benarkan hendak-lah di-ma'anakan jumlah perbelanjaan yang di-benarkan yang telah di-kenakan oleh tuan punya yang pertama berkenaan dengan satu harta-benda di-potong elaun mula2, jika ada, dan sebarang elaun2 tahunan yang di-perbuat kepada tuan punya yang pertama terhadap kapadanya di-bawah Jadual ini atau Undang2 Chukai Pendapatan atau Perintah Chukai Pendapatan (Perkembangan Sumbang Logam) (Penggalakan) dan sebagaimana yang di-kurangkan oleh syarat2 fasal (4) dari perenggan 3 kepada Jadual ketiga Undang2 Chukai Pendapatan.
4. (1) Untuk maksud2 Jadual ini jika —
- (a) (i) perbelanjaan menchari minyak yang di-benarkan telah di-kenakan untuk pembelian ma'alumat berhubung dengan ada-nya dan banyak-nya simpanan minyak petroleum atau untuk menchari atau untuk memperolehi dan menduga simpanan2 tersebut atau untuk mendapatkan dengan chara penyelidekan dengan itu dan perbelanjaan telah di-kenakan untuk maksud2 pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh sharikat itu yang telah dikenakan perbelanjaan semasa tempoh asas sharikat itu, atau
- (ii) perbelanjaan telah di-kenakan sebelum tempoh asas-nya yang pertama dan perbelanjaan itu yang mungkin akan di-
- Perbelanjaan asas di-dalam tangan tuan punya yang kedua.**
- Panggal 35. dan Bil. S 43.*
- Sharat2 berhubung kepada "perbelanjaan menchari minyak yang di-benarkan.**

anggapkan sebagai perbelanjaan mencari minyak yang di-benarkan (di-dapat tahu tanpa syarat yang terkandung di-dalam syarat bagi ta'arif perbelanjaan yang di-benarkan) sekira-nya ini telah di-kenakan di-dalam tempoh asas yang pertama itu; dan

- (b) perbelanjaan itu telah tidak mengujudkan suatu harta-benda, maka perbelanjaan tersebut (di-dapat tahu di-dalam perkara perenggan-kecil (1) (a) (ii) dari perenggan ini tanpa syarat yang tersebut) akan di-anggapkan telah mengujudkan suatu harta-benda yang di-punyai oleh sharikat yang membuat perbelanjaan dan di-gunakan untuk maksud pengusahaan² minyak petroleum sedemikian.
- (2) Untuk maksud² Jadual ini, suatu harta-benda berkenaan dengan mana perbelanjaan mencari minyak yang di-benarkan telah di-kenakan oleh sesuatu sharikat untuk maksud² mengusahakan minyak petroleum yang di-jalankan-nya dan yang tidak di-habiskan (disposed of) hendak-lah di-anggapkan sebagai tidak tamat di-gunakan untuk maksud² pengusahaan² itu selagi sharikat itu terus menjalankan pengusahaan² tersebut.
- (3) Dengan tidak menghiraukan sebarang yang terkandung di-dalam ta'arif bagi perbelanjaan yang di-benarkan di-dalam perenggan 1 Jadual ini, sebanyak mana sesuatu perbelanjaan mencari minyak yang di-benarkan yang telah di-kenakan ka-atas pengambilan (acquisition) hak² di-dalam atau ka-atas simpanan² minyak petroleum dan ka-atas pembelian ma'alumat berkenaan ada-nya dan banyak-nya simpanan (deposit) tersebut sebagaimana yang melebihi jumlah harga asli pengambilan hak² tersebut dan harga mencari, memperolehi dan menduga simpanan² tersebut sebelum pembelian ma'alumat itu, hendak-lah di-tinggalkan daripada kira² bagi maksud² Jadual ini.

5. Untuk maksud² Jadual ini, jika sesuatu harta-benda yang terdiri daripada suatu bangunan, binaan² atau alatan² pekerjaan (works), maka pemegang bahagian yang berkenaan di-dalam-nya hendak-lah di-anggapkan sebagai tuan yang punya. **Tuan Punya Bangunan² dan lain².**

6. Jika perbelanjaan asas telah di-kenakan ka-atas pembelian suatu bangunan, binaan² atau alatan² pekerjaan (works) dan selepas itu bahagian yang berkenaan yang di-dalam-nya di-jual, maka sharikat yang membeli bahagian itu ada-lah di-anggapkan telah di-kenakan, pada tarikh apabila harga pembelian itu hendak di-bayar, perbelanjaan asas ka- **Penjualan Bangunan² dan lain².**

atas pembangunan-nya yang sama dengan harga yang dibayar oleh-nya bagi bahagian itu atau kepada harga asli pembangunan, yang mana2 satu yang kurang sekali.

7. (1) Dengan terta'alok kepada syarat2 Jadual ini, jika, di-dalam tempoh asas-nya bagi sesuatu tahun penaksiran, satu sharikat yang mempunyai sebarang harta-benda telah di-kenakan berkenaan dengan-nya perbelanjaan yang di-benarkan dengan keseluruh-nya dan dengan semata2-nya untuk maksud2 pengu-sahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya, maka hendak-lah di-perbuat kepada sharikat itu bagi tahun penaksiran itu satu elaun (di-dalam Ja-dual ini di-panggil "elaun mula2") dengan mengikut kadar yang berpatutan mengikut peratusan yang di-sebutkan di-sini:—
- (2) Kadar yang tersebut hendak-lah di-dalam perkara—
- (i) perbelanjaan alat2 jentera yang di-benarkan, 40 peratus
 - (ii) perbelanjaan bangunan yang di-benarkan, 20 peratus.

Dengan syarat ia-itu kadar2 elaun mula2 hendak-lah di-naikkan dengan 25 peratus daripada-nya di-dalam perkara harta-benda yang telah di-gunakan di-dalam, di-atas atau di-bawah lautan.

8. (1) Terta'alok kepada syarat2 Jadual ini, jika di-dalam tempoh asas-nya bagi sesuatu tahun penaksiran, satu sharikat yang mempunyai sebarang harta-benda yang telah di-kenakan berkenaan dengan-nya, perbelanjaan yang di-belanjakan dengan kese-luruh-nya dan semata2 untuk maksud2 pengu-sahaan2 minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya, sama ada atau tidak pembayaran mula2 boleh di-perbuat kapada-nya berkenaan dengan perbelan-jaan yang di-benarkan itu, maka hendak-lah di-perbuat kepada sharikat itu bagi tiap2 satu tahun penaksiran di-dalam tempoh asas-nya yang mana harta-benda itu telah di-gunakan untuk maksud2 pengusahaan2 tersebut, satu elaun (di-dalam Jadual ini yang di-panggil "satu elaun tahunan") dengan mengikut kadar peratusan yang berpatutan yang tersebut di-bawah ini, bagi perbelanjaan yang di-benarkan.
- (2) Kadar yang tersebut hendak-lah di-dalam perkara bagi —
- (i) perbelanjaan alatan jentera yang di-benarkan yang telah di-kenakan selepas hari yang per-

- tama bulan Januari 1962 berkenaan dengan chara pemulehan sa-mula (secondary recovery), 100 peratus;
- (ii) perbelanjaan alatan jentera yang di-benarkan ka-atas kenderaan², 30 peratus;
 - (iii) perbelanjaan alatan jentera yang di-benarkan selain daripada yang di-nyatakan di-dalam fasal² kechil (i) dan (ii) perenggan-kechil, 20 peratus;
 - (iv) perbelanjaan bangunan yang di-benarkan, 10 peratus.

Dengan syarat ia-itu kadar² syarat yang tersebut bagi elaun² tahunan selain daripada yang di-tetapkan oleh fasal-kechil (i) dari perenggan kechil ini di-naikkan dengan 25 peratus daripada-nya di-dalam perkara harta-benda yang di-gunakan di-dalam, di-atas, atau di-bawah lautan. **Sharat.**

- (3) (a) Terta'alok kepada syarat² fasal-kechil (c) dari perenggan-kechil ini, jika di-dalam tempoh asas-nya bagi sesuatu tahun penaksiran satu sharikat yang di-kenakan pembelanjaan menchari minyak yang di-benarkan, maka hendaklah di-perbuat kepada sharikat itu bagi tahun itu suatu elaun jumlah yang sama kepada
 - (i) 100 peratus perbelanjaan tersebut, atau
 - (ii) keuntungan yang boleh di-kenakan chukai bagi sharikat itu bagi tahun yang tersebut yang di-hitong sabelom sebarang elaun² di-perbuat di-bawah Jadual ini, yang mana satu yang kurang sekali;
- (b) berkenaan dengan sesuatu baki perbelanjaan tersebut yang mana elaun tidak akan di-perbuat di-bawah perenggan-kechil yang sabelom ini, maka hendaklah di-perbuat kepada sharikat itu untok tahun² penaksiran yang kemudiannya satu elaun mengikut kadar yang di-nyatakan di-dalam fasal-kechil (b) perenggan-kechil ini;
- (c) berkenaan dengan sebarang perbelanjaan menchari minyak yang di-anggapkan di-bawah perenggan 2 Jadual ini yang telah di-kenakan pada 1haribulan, Januari, 1962, syarat² fasal-kechil (a) perenggan-kechil ini tidak-lah akan di-kenakan tetapi suatu elaun tahunan hendaklah di-perbuat kepada sharikat ini berkenaan dengan perbelanjaan bagi tahun penaksiran 1963 dan tahun penaksiran yang kemudiannya dengan kadar yang di-nyatakan di-dalam fasal-kechil yang salepas ini;

- (d) (i) Kadar yang tersebut ada-lah jumlah yang terjadi daripada yang di-kenakan kepada baki perbelanjaan penchahan yang mana angka di-atas menunjukkan keputusan pengeluaran (output) daripada pengusahaan² minyak petroleum sharikat itu di-dalam tempoh asas bagi tahun penaksiran yang berkenaan dan angka yang di-bawah pechahan itu menunjukkan jumlah pengeluaran (output) itu dan jumlah pengeluaran di-masa hadapan yang mungkin terjadi daripada pengusahaan² tersebut, di-anggarkan sebagaimana pada penghujung tempoh asas itu, atau pechahan satu perlapan, mana² satu yang terbesar;
- (ii) Jika suatu sharikat berhenti daripada menjalankan pengusahaan² minyak petroleum, ia boleh-lah memilih ia-itu elaun² tahunan, jika ada, bagi tahun penaksiran di-dalam mana pemberhentian itu berlaku dan tiap² setahun bagi lima tahun penaksiran yang sudah akan di-hitong sa-olah² susulan di-dalam cheraian yang baharu lepas ini kepada pengeluaran di-masa hadapan yang mungkin terjadi yang di-anggarkan sebagaimana pada penghujung tempoh asas ada-lah satu penyusulan kepada pengeluaran yang sebenarnya di-antara penghujung tempoh asas dan berlakunya pemberhentian tersebut, dan elaun² yang tersebut hendak-lah di-hitong dengan sesuai-nya, dan, dengan tidak menghiraukan sebarang yang terkandung di-dalam Undang² ini menghadkan masa untuk membuat penaksiran² atau elaun tuntutan untuk pembayaran balek, segala pembayaran balek yang tersebut dan penaksiran tambahan hendak-lah di-perbuat sebagaimana yang mustahak untuk membolehkan memberi kesan kepada perenggan-kecil ini.

Dengan syarat ia-itu pemilihan tidak-lah boleh *Sharat*. di-perbuat di-bawah perenggan-kecil ini oleh tuannya yang pertama berkenaan dengan sesuatu harta-benda yang menjadi perkara suatu permilihan di-bawah syarat² perenggan-kecil 3 perenggan 14.

9. Elaun mula² atau elaun tahunan berkenaan perbelanjaan yang di-benarkan yang di-kenakan berkenaan sesuatu harta-benda hanya-lah sebagai hutang kepada satu sharikat **Batasan² ka-atas elaun².**

bagi sesuatu tahun penaksiran sekira-nya pada penghujungan tempoh asas-nya bagi tahun penaksiran itu ada-lah tuan yang punya harta-benda itu sedang di-gunakan untok maksud² perusahaan² minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya; dan jumlah besar elaun² yang akan di-perbuat di-bawah Jadual ini tidak-lah boleh macham mana jua pun melebihi jumlah berbelanjaan yang di-benarkan di-kenakan oleh Sharikat itu.

10. Terta'alok kapada syarat² Jadual ini, jika di-dalam tempoh asas-nya bagi sesuatu tahun penaksiran satu sharikat yang mempunyai sebarang harta-benda berkenaan yang mana ia telah di-kenakan berbelanjaan yang di-benarkan dengan keseluruh-nya dan dengan semata²-nya untok maksud² perusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya menghabiskan (disposes of) harta-benda itu maka elaun (di-dalam Jadual ini di-panggil "elaun pengimbangan") hendak-lah di-perbuat kapada sharikat itu bagi tahun penaksiran itu sama banyak-nya lebeh daripada baki perbelanjaan itu, pada tarikh harta-benda itu di-habiskan (disposed of), lebeh dari nilaiian harta-benda pada tarikh itu.

11. (1) Terta'alok kapada syarat² Jadual ini, jika di-dalam tempoh asas-nya bagi sesuatu tahun penaksiran satu sharikat yang mempunyai sebarang harta-benda berkenaan yang mana ia telah di-kenakan perbelanjaan yang di-benarkan dengan sepenoh-nya dan semata²-nya bagi maksud² perusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya, menghabiskan harta-benda itu, satu pengenaan bayaran (di-dalam Jadual ini di-panggil "pengenaan bayaran pengimbangan") hendak-lah di-perbuat ka-atas sharikat itu untok tahun penaksiran itu bagi nilaiian yang lebeh bagi harta-benda itu, pada tarikh menghabiskan-nya, lebeh dari baki perbelanjaan itu pada tarikh itu dan jumlah pengenaan bayaran pengimbangan tersebut hendak-lah di-anggapkan untok maksud bab 8 Undang² ini sebagai pendapatan yang tidak di-jangka kapada perusahaan² minyak petroleum.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang yang terkan-dong di-dalam perenggan-kechil (1) dari perenggan ini, tidak-lah ada di-dalam mana² keadaan pun jumlah pengenaan bayaran pengimbangan melebihi daripada jumlah elaun² tahunan dan elaun mula², jika ada, yang di-perbuat di-bawah Jadual ini atau Undang² Chukai Pendapatan atau Perintah Chukai Pendapatan (Perkembangan Sumber² Logam) (Penggalakan) kapada tuan punya berkenaan harta-benda yang bersangkutan.

*Panggal 35 dan
Bil. S 43.*

12. Untok maksud Jadual ini, kechuali perenggan² 2 dan 3 di-dalam-nya, baki perbelanjaan yang di-benarkan, berke-

Baki.

naan dengan sebarang harta-benda, pada mana2 tarikh, hendak-lah di-ma'anakan kepada jumlah perbelanjaan yang di-benarkan yang di-kenakan pada atau sebelum tarikh tersebut, berkenaan dengan harta-benda itu, di-potong jum'ah sebarang elaun tahunan dan elaun mula2 di-perbuat berkenaan harta-benda itu, sebelum tarikh itu, sama ada di-bawah Jadual ini atau di-bawah Undang2 Chukai Pendapatan atau Perintah Chukai Pendapatan (Perkembangan Sumber2 Logam) (Penggalakan) dan sebagaimana yang telah di-kurangkan oleh syarat2 perenggan-kecil (4) dari perenggan 3 Jadual Ketiga kepada Undang2 Chukai Pendapatan.

*Panggal 35
dan
Bil. S 43.*

13. Terta'alok kepada sesuatu syarat yang ternyata yang berlawanan, untuk maksud2 Jadual ini — **Ma'ana-nya "di-habiskan".**

- (a) bangunan, binaan atau alat2 pekerjaan (works) yang berupa tetap ada-lah di-habiskan (disposed of) sekira-nya sebarang perkara yang berikut terjadi —
 - (i) bahagian yang berkenaan di-dalam-nya di-jualkan atau pun dengan jalan lain di-pindahkan; atau
 - (ii) bahagian itu, kalau satu bahagian yang tergantung kepada tempoh satu pengizinan, tamat tempoh-nya apabila tamat tempoh pengizinan itu; atau
 - (iii) bahagian itu, kalau satu bahagian dalam pajakan, tamat tempoh-nya selain daripada sebab sharikat yang memegang bahagian itu mengambil bahagian itu yang akan di-kembalikan kemudian; atau
 - (iv) bangunan, binaan atau alat2 pekerjaan yang berupa tetap ada-lah di-robohkan atau di-jahanamkan atau, tanpa di-robohkan atau di-jahanamkan, telah dengan sama sekali tidak di-gunakan lagi untuk maksud2 pengusahaan minyak petroleum yang di-jalankan oleh tuan yang punya-nya;
- (b) alatan jentera, jentera atau alatan yang di-pasang ka-bumi ada-lah di-habiskan (disposed of) jika benda2 ini di-jual atau pemunyaan-nya dengan jalan lain di-pindahkan, atau sekira-nya benda2 ini ditinggalkan atau dengan sama sekali tidak di-gunakan untuk maksud2 pengusahaan2 minyak petroleum yang di-jalankan oleh tuan yang punya-nya;
- (c) harta-benda berkenaan yang mana perbelanjaan menchari minyak yang di-benarkan telah di-kenakan telah di-habiskan (disposed of) jika syarat2 ini di-jual atau sekira-nya pemunyaan-nya dengan chara lain2 di-pindahkan atau sekira-nya harta-benda ini telah tidak di-gunakan lagi untuk maksud2

pengusahaan² minyak petroleum sharikat yang dikenakan perbelanjaan itu sama ada dengan sharikat itu berhenti menjalankan pengusahaan² tersebut didalam kawasan itu berkenaan yang mana perbelanjaan menchari minyak yang di-benakan telah di-kenakan atau dengan sharikat itu menerima wang insuran atau ganti-rugi-nya; dan perbelanjaan menchari minyak yang di-benarkan yang di-kenakan berkenaan dengan kawasan itu berserta dengan satu kawasan atau kawasan² yang lain hendak-lah untuk maksud ini di-bahagikan di-antara kawasan itu dan kawasan atau kawasan² yang lain dengan chara yang adil dan menasabah.

14. (1) Untuk maksud² Jadual ini, kechuali perenggan 2 jika suatu harta-benda telah di-habiskan (disposed of) dengan chara di-jual maka nilai-nya pada tarikh di-habiskan-nya (disposed of) itu hendak-lah, terta'alok kepada sharat² yang tinggal lagi di-dalam perenggan ini, jumlah berseh wang yang di-terima dari penjualan itu atau bagi bahagian berkenaan di-dalam-nya. **Nilaian harta-benda.**
- (2) Jika sesuatu harta-benda di-habiskan (disposed of) dengan keadaan² sedemikian ia-itu wang² insuran atau ganti-rugi di-terima oleh tuan² yang mempunyai-nya harta-benda atau bahagian berkenaan di-da'am-nya, mana² satu yang berkenaan, hendak-lah di-anggapkan sebagai telah di-jual dan sa-olah² hasil berseh wang insuran atau ganti-rugi itu ada-lah hasil berseh penjualan-nya.
- (3) Jika suatu harta-benda di-habiskan (disposed of) tanpa di-jual atau jika sharat² menghabiskan-nya (disposal) ada-lah terta'alok kepada kawalan sebagaimana selepas ini di-ta'rifkan, maka nilai-nya ada-lah jumlah yang mana harta-benda sedemikian atau bahagian berkenaan di-dalam-nya, mana² yang berkenaan, sepatut-nya akan laku sekira-nya di-jual di-pasar yang terbuka pada tarikh itu, dengan di-potong jumlah sebarang perbelanjaan yang tuan punya-nya harus berpatutan di-jangka di-kenakan sekira-nya harta-benda itu telah di-jual sedemikian. Untuk maksud² Jadual ini sharat² menghabiskan (disposal) hendak-lah di-anggapkan sebagai terta'alok kepada kawalan jika tuan yang punya harta-benda sebelum menghabiskan (disposal) dan orang yang mengambil harta-benda itu setelah penghabisan (disposal) itu ada-lah di-bawah kawalan bersama :

Dengan sharat ia-itu jika sharat² suatu meng-**Sharat.**
habiskan (disposal) ada-lah terta'alok kepada
kawalan dan jika kepunyaan yang kemudian-nya

dan kegunaan harta-benda itu ada-lah berupa ia-itu nilaiannya akan di-anggapkan sebagai perbelanjaan yang di-benarkan maka tuan punya yang pertama dan yang kedua boleh dengan notis yang bertulis kepada Pemungut memilih ia-itu syarat2 yang tersebut di-dalam perenggan kechil ini tidak akan berkesan dan di-dalam keadaan begitu yang berikut ada-lah di-pakai :

- (a) nilai harta-benda pada tarikh di-habiskannya (disposal) ada-lah baki (di-dapat tahu mengikut dengan syarat2 perenggan 12 dari Jadual ini) bagi perbelanjaan yang di-benarkan berkenaan dengan harta-benda itu pada tarikh itu, dan
 - (b) dengan tidak menghiraukan syarat2 perenggan 11 dari Jadual ini pengenaan bayaran pengimbangan tersebut jika ada, hendak-lah di-perbuat ka-atas tuan punya yang kedua berkenaan dengan sebarang perkara yang terjadi selepas tarikh penjualan itu yang sepatut-nya telah di-perbuat ka-atas tuan punya yang pertama sekira-nya tuan punya yang pertama itu telah dengan seterusnya mempunyai harta-benda itu dan telah di-beri segala elaun2 tersebut sebagaimana yang telah di-beri kepada tuan punya yang kedua.
15. (1) Sebarang penyusulan di-dalam Jadual ini kepada **Pembahagian** menghabiskan (disposal), penjualan atau pembelian sesuatu harta-benda termasuk penyusulan kepada menghabiskan (disposal), penjualan atau pembelian harta-benda itu, mana2 yang berkenaan, berserta dengan sebarang harta-benda yang lain, sama ada atau tidak pembelanjaan yang di-benarkan telah dikenakan kepada harta-benda yang baharu tersebut tadi, dan, jika harta-benda di-habiskan (disposed of), di-jual, atau di-beli berserta dengan satu harta-benda yang lain, maka sebanyak nilaiannya itu-lah harta-benda itu sebagaimana, di-masa pembahagian yang adil, dengan sabenar-nya berhubung dengan harta-benda yang mula2 tersebut hendak-lah, bagi maksud2 Jadual ini, di-anggapkan sebagai nilaiannya atau harga yang di-bayar, harta-benda itu, mana2 yang berkenaan. Bagi maksud2 perenggan-kechil ini, segala harta-benda yang di-beli atau di-habiskan (disposed of) dalam menjalankan satu tawar-menawar hendak-lah di-anggapkan sebagai pembelian atau di-habiskan (disposed of) bersama2, dengan tidak menghiraukan bahawa harga2 berasingan ada-

lah atau di-katakan sebagai telah di-persetujui bagi tiap2 harta-benda itu atau bahawa ada atau di-katakan sebagai pembelian atau di-habiskannya (disposal) yang berasingan bagi harta-benda itu.

- (2) Syarat2 perenggan kecil (1) dari perenggan ini hendaklah di-kenakan, dengan sebarang pindaan2 yang perlu, kepada penjualan atau pembelian bahagian yang berkenaan di-dalam sebarang harta-benda beserta dengan sebarang harta-benda atau bahagian yang berkenaan di-dalam sebarang harta-benda yang lain.

16. Sebarang penyusulan di-dalam Jadual ini kepada sebarang harta-benda hendaklah di-tafsirkan apabila perlu sebagai termasuk penyusulan kepada suatu bahagian harta-benda (termasuk bahagian yang belum di-pecah2kan bagi harta-benda itu dalam perkara bahagian2 berkongsi di-dalamnya) dan apabila di-ma'anakan sedemikian sebarang pembahagian yang perlu hendaklah di-perbuat sebagaimana boleh, pada pendapatan Pemungut, adil dan menasabah.

**Bahagian
harta-benda.**

17. (1) Syarat2 yang berikut bagi perenggan ini hendaklah di-kenakan jika salah satu atau kedua daripada syarat2 yang berikut di-kenakan berkenaan dengan sebarang harta-benda —

**Harta-benda
di-gunakan atau
perbelanjaan
yang di-kenakan
sebahagian untuk
maksud pengusa-
haan2 minyak
petroleum.**

- (a) tuan punya harta-benda itu telah di-kenakan berkenaan dengan-nya perbelanjaan yang di-benarkan sa-bahagian untuk maksud2 pengusahaan2 minyak petroleum yang di-jalankan oleh-nya dan sebahagian untuk maksud2 yang lain;
- (b) harta-benda berkenaan yang mana perbelanjaan yang di-benarkan telah di-kenakan oleh tuan yang punya-nya ada-lah di-gunakan sebahagian untuk maksud2 pengusahaan2 minyak petroleum yang di-jalankan oleh tuan punya yang tersebut dan sebahagian maksud2 yang lain.

- (2) Sebarang elaun2 dan pengenaan bayaran pengim-bangan yang sepatut-nya di-perbuat jika kedua perbelanjaan tersebut telah di-kenakan dengan keseluruh-nya dan dengan semata2-nya untuk maksud2 pengusahaan2 minyak petroleum sedemikian dan harta-benda sedemikian ada-lah di-gunakan dengan keseluruh-nya dan dengan semata2 untuk maksud2 pengusahaan2 se-demikian hendaklah di-hitong mengikut syarat2 Jadual ini.

- (3) Sebanyak itu-lah elaun2 dan pengenaan bayaran yang di-hitong mengikut syarat2 perenggan kecil (2) hendak-lah di-perbuat sebagaimana pada pendapatan Pemungut yang adil dan menasabah dengan menimbangkan kapada segala keadaan2 dan kapada syarat2 Jadual ini.

Di-luluskan pada 23hb October, 1963.

PENGIRAN HJ. ABDUL RAHMAN

Juru Tulis

*Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.*